


**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
PUSAT PENGAJIAN BAHASA, KESUSASTERAAAN &
KEBUDAYAAN MELAYU**


**TAHAP SEDAR TRADISI LISAN ADAT PERPATIH:
SATU KAJIAN KES DI REMBAU**


Oleh


ROSHADAH OTHMAN


Projek Sarjana ini telah diterima oleh Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu untuk memenuhi sebahagian keperluan Ijazah Sarjana Sastera pada sesi 2004/2005.



Penyelia



Tarikh



Pemeriksa



Tarikh



Ketua Program
Kesusasteraan Melayu



Tarikh


Ketua Program
Kajian Bahasa Melayu/
Pengurusan Persembahan Seni


Tarikh


Pengerusi Pusat
Pengajian Bahasa, Kesusasteraan
& Kebudayaan Melayu


Tarikh




**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
PUSAT PENGAJIAN BAHASA, KESUSASTERAAN &
KEBUDAYAAN MELAYU**

**TAHAP SEDAR TRADISI LISAN ADAT PERPATIH:
SATU KAJIAN KES DI REMBAU**


Oleh

ROSHADAH OTHMAN


Projek Sarjana ini telah diterima oleh Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu untuk memenuhi sebahagian keperluan Ijazah Sarjana Sastera pada sesi 2004/2005.



Penyelia



Tarikh



Pemeriksa



Tarikh



Ketua Program
Kesusasteraan Melayu


Tarikh


Ketua Program
Kajian Bahasa Melayu/
Pengurusan Persembahan Seni


Tarikh


Pengerusi Pusat
Pengajian Bahasa, Kesusasteraan
& Kebudayaan Melayu


Tarikh

**TAHAP SEDAR TRADISI LISAN ADAT PERPATIH :
SATU KAJIAN KES DI REMBAU**

ROSHADAH OTHMAN

**KERJA KURSUS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**

2004

PENGAKUAN

Adalah saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Ogos 2004


ROSHADAH BT OTHMAN
(P 21534)

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan ditujukan kepada pensyarah yang banyak memberi tunjuk ajar dan keyakinan kepada saya sepanjang tugas, Dr Shaiful Bahri Md Radzi. Ribuan terima kasih kepada semua pensyarah yang telah mendidik dan memberi ilmu pengetahuan sejak dari tahun satu hingga sekarang iaitu Prof Dato' Dr Siti Hawa Salleh, Prof Dr Hanafi Dollah, Prof Dr Siti Zainon Ismail, Prof Madya Dr Sahlan Md Saman dan mereka yang menyumbang ilmu seperti Dato' Dr Ramli Ujang, Datin Hjh Zakiah Kasim serta En Zamzan Omar. Begitu juga kepada semua staf Jabatan Persuratan Melayu yang banyak memberi dorongan dan semangat, rakan-rakan seangkatan, Pn Hilmiwaty, Cikgu Mohd Isa, Saudara Hasanul Isyraf, pelajar-pelajar SMKA Pedas serta penduduk-penduduk Kampung Air Sekapas, Sepri, Rembau. Paling istimewa buat dua cahaya pembakar semangat, Adib dan Adam yang menjadi pendorong utama untuk menyiapkan kajian kes ini.

ABSTRAK

Kajian kes ini dilakukan untuk mengenal pasti tahap sedar tradisi lisan Adat Perpatih di kalangan generasi muda. Kajian ini mengupas sejauhmana kefahaman dan penerimaan golongan ini terhadap sistem sosial Adat Perpatih. Kemampuan mereka diukur menerusi tradisi lisan berbentuk pengujaran, perlakuan dan budaya benda. Kawasan kajian tertumpu di beberapa mukim dalam daerah Rembau kerana ianya merupakan daerah yang masih teguh berpegang kepada sistem Adat Perpatih terutama di kalangan generasi tua. Kajian juga melihat bagaimana peranan generasi tua dalam mempertahankan tradisi ini dalam dunia moden dan bagaimana mereka menurunkannya kepada generasi seterusnya. Menerusi beberapa persampelan, didapati generasi muda lebih memahami tradisi lisan melalui proses pembelajaran di sekolah. Mereka juga dapat menguasainya dengan baik beberapa bentuk tradisi lisan yang popular. Beberapa kekangan turut diterima ketika proses penyampaian seperti perubahan-perubahan budaya yang membajai adat tersebut. Melalui kajian ini adalah diharapkan agar generasi muda mampu berperanan sebagai pewaris adat untuk membentuk generasi akan datang yang menghargai peradaban silam dan masyarakatnya.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI CARTA	x
SENARAI PETA	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
PETA	xiii
 BAB I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Tujuan Penelitian	2
1.3 Permasalahan Kajian	3
1.4 Kaedah Kajian	4
1.5 Batasan Kajian	5
1.6 Pendekatan Kajian	6
1.7 Kajian Lepas	7
 BAB II REMBAU DAN ADAT PERPATIH	
2.1 Pengenalan	8
2.2 Rembau	10

2.3	Dinamika Penduduk Rembau	11
2.3.1	Migrasi	14
2.3.2	Kadar Kematian	15
2.3.3	Kadar Kelahiran	15
2.4	Politik	16
2.5	Ekonomi	18
2.6	Sosial	21
2.7	Adat Perpatih	22
2.8	Kesimpulan	27

BAB III TAHAP SEDAR TRADISI LISAN ADAT PERPATIH DALAM KONTEKS SASTERA RAKYAT

3.1	Pengenalan	29
3.2	Adat Perpatih dan Adat Temenggung	31
3.3	Tradisi Lisan Adat Perpatih	35
3.4	Tradisi Lisan Berbentuk Puisi	37
3.4.1	Tradisi Lisan Berbentuk Prosa : Cerita Rakyat	43
3.4.2	Cerita Rakyat Rembau	44
3.5	Tahap Sedar Adat	47
3.5.1	Perbilangan Adat	47
3.6	Cerita Rakyat : Bila Orang Muda Bercerita	58
3.7	Kesedaran Terhadap Pengisian Cerita Lisan	66
3.8	Kesimpulan	67

BAB IV	TAHAP SEDAR TRADISI LISAN ADAT PERPATIH DALAM KONTEKS BUDAYA BENDA DAN PERLAKUAN	
4.1	Pengenalan	70
4.2	Budaya Benda	71
	4.2.1 Keunikan Senibina Rumah Minangkabau	73
4.3	Tradisi Perlakuan : Seni Persembahan	78
4.4	Sistem Kekeluargaan	80
4.5	Budaya Merantau	83
	4.5.1 Kesan Orang Muda Merantau	85
4.6	Kesimpulan	89
BAB V	KELANGSUNGAN DAN KEKANGAN TRADISI LISAN ADAT PERPATIH	
5.1	Pengenalan	92
5.2	Kelangsungan Dalam Mengenal Adat Perpatih	93
5.3	Generasi Tua Adat Perpatih	98
5.4	Generasi Muda Adat Perpatih	104
5.5	Kekangan Generasi Muda Mengenal Adat Perpatih	110
5.6	Peranan Sistem Pendidikan Dalam Menyampaikan Tradisi Lisan	114
5.7	Kesedaran Generasi Muda Untuk Mengekalkan Adat Perpatih	116
5.8	Kesimpulan	119

BAB VI PENUTUP

121

RUJUKAN**LAMPIRAN**

- | | |
|---|---------------------------|
| 1 | Temubual |
| 2 | Biodata Responden |
| 3 | Soal Selidik |
| 4 | Surat Kebenaran Kajilidik |

SENARAI JADUAL

No Jadual		Halaman
1	Profil Penduduk Rembau Disember 2003	13
3.1	Analisis Pengetahuan Maksud Perbilangan Adat	49
3.2	Analisis Sebab-Sebab 12 Pelajar Memberikan Jawapan Tepat Kepada Dua Contoh Perbilangan Adat	51
3.3	Contoh Perbilangan Adat	53
3.4	Analisis Aras Pengetahuan Satu Contoh Perbilangan Adat Di Kalangan Pelajar Sekolah	55
3.5	Analisis Aras Pengetahuan Satu Contoh Perbilangan Adat Di Kalangan Remaja Lulusan Sekolah	56
3.6	Cerita Asal-Usul Pedas Dan Rembau	59
3.7	Kronologi Cerita Lisan Asal-Usul Rembau	62
4.1	Huraian Ciri-Ciri Rumah Minangkabau	76
4.2	Peranan Dalam Pecahan Adat Perpatih	81
4.3	Penggunaan Tanah Adat di Negeri Sembilan	88
5.1	Analisis Masalah Mengenal Perbilangan Adat	95
5.2	Analisis Penggunaan Perbilangan Adat Dalam Ujian Bulanan	97
5.3	Jenis Pekerjaan Bapa/Penjaga Pelajar	107
5.4	Penyebaran Tradisi Lisan (Cerita Rakyat)	112
5.5	Contoh Borang Data Program NILAM bulan April 2003 di SMKA Pedas	118

SENARAI PETA

No Peta		Halaman
Peta 1	Peta Daerah-daerah di Negeri Sembilan	xiii
Peta 2	Peta Rembau	xiv
Peta 3	Peta Seperi	xv

SENARAI CARTA


No Carta

Halaman

- | | | |
|---|--|----|
| 1 | Carta Kelompok Keturunan Mengikut
Wilayah Adat Perpatih di Rembau | 82 |
|---|--|----|

SENARAI SINGKATAN


Penggunaan	Halaman
KEMAS (Kemajuan Masyarakat)	22
NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca)	117



PETA 1 : Daerah-daerah di Negeri Sembilan



PETA 2 : REMBAU



PETA 3 : SEPERI

BAB II

REMBAU DAN ADAT PERPATIH

2.1 Pengenalan

Negeri Sembilan adalah sebuah negeri yang agak berbeza dari negeri-negeri lain di Malaysia. Perbezaan ini adalah disebabkan pembentukannya merupakan cantuman daripada sembilan daerah atau dalam bahasa Minangkabau disebut sebagai sembilan luak.¹ Pentadbiran kerajaan Negeri Sembilan kini dibahagikan hanya kepada tujuh daerah iaitu daerah Seremban, Rembau, Jelebu, Kuala Pilah, Tampin, Jempol dan Port Dickson.² Sejarah terbentuknya Negeri Sembilan yang dikenali sebagai negeri beradat tidak diketahui ramai sebelum kedatangan Raja Melewar yang menjadi Yam Tuan Besar bagi negeri ini pada tahun 1773 (Abu Chik Mat Sarom 1961:41). Walau bagaimanapun, sesetengah pendapat mengatakan bahawa kedatangan orang Minangkabau itu lebih awal daripada Raja Melewar yang berpusat di Rembau (Josselin de Jong 1952:121) dan Naning.

Pada tahun 1895, Negeri Sembilan menyertai Perak, Selangor dan Pahang menandatangani perjanjian bagi menubuhkan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (*Malay Federated State*). Tiga tahun selepas pembentukan persekutuan ini, Tuanku Muhammad iaitu Yamtuan Seri Menanti telah dilantik menjadi Yang di-Pertuan Besar bagi seluruh Negeri Sembilan. Perlantikan itu dimasyhurkan pada 29 April

¹ Sembilan luak yang dimaksudkan itu terdiri daripada Sungai Ujung, Ulu Muar, Inas (Gunung Pasir), Jelebu, Jempol, Gemencheh, Rembau dan Seri Menanti.

² Rujuk LAMPIRAN A (8) tentang Rembau oleh Cikgu Mohd Isa Noh.

1898 dan Tuanku Burhanuddin pula dilantik menjadi Tengku Besar (Abu Chik Mat Sarom 1961:43). Yang di-Pertuan Besar yang kedua ialah Tuanku Abdul Rahman, putera kepada Tuanku Muhammad dan telah dipilih oleh Majlis Raja-raja Melayu menjadi Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu yang pertama pada 3 Ogos 1957.

Dalam sistem politik tradisional, Negeri Sembilan terbahagi kepada tiga belas unit pentadbiran yang dipanggil luak iaitu Luak Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir, Sungai Ujung, Jelevu, Johol, Rembau, Inas, Linggi, Gemencheh, Air Kuning dan daerah Tunku Besar Tampin. Tiga belas luak ini dibahagikan pula kepada empat kelompok dengan Seri Menanti membentuk kelompok pertama. Kelompok ini dikelilingi oleh kelompok kedua iaitu yang terdiri daripada empat luak tanah mengandungi iaitu Ulu Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir. Ketiga adalah empat luak pilihan iaitu Sungai Ujung, Jelevu, Johol dan Rembau manakala yang keempat adalah daerah Tunku Besar Tampin. Secara umumnya sejarah Negeri Sembilan terbahagi kepada tiga peringkat.

Peringkat pertama ialah semasa negeri tersebut terbahagi kepada empat kawasan Orang Asli iaitu Sungai Ujung, Klang, Jelevu dan Johol yang memerintah antara tahun 1450 hingga 1600.³ Peringkat kedua pula adalah peringkat pertengahan semasa empat kawasan tersebut digantikan dengan sembilan kawasan Minangkabau tetapi masih lagi di bawah pemerintahan Johor. Kawasan-kawasan tersebut dikenali sebagai Naning, Rembau, Sungai Ujung, Jelevu, Klang, Ulu Pahang (antara Ulu Serting dan Temerloh), Pasir Besar (sekarang Johol), Segamat dan Jelai (sekarang Inas). Peringkat ketiga adalah peringkat moden apabila empat daripada sembilan

³ Menurut cerita lisan, orang yang mula-mula membuka Sungai Ujung ialah ketua orang-orang Jakun, bernama Batin Bercangga Besi. Orang yang membuka Jelevu ialah seorang Jakun Biduanda bernama Tuk Jelodong dan yang membuka Johol ialah seorang perempuan bernama Nenek Kebayan.

kawasan Minangkabau tersebut membentuk kerajaan sendiri dengan perlembagaan bebas di bawah ketua yang bergelar Undang.⁴

Sistem pentadbiran kini membahagikan Negeri Sembilan kepada dua kawasan utama iaitu Negeri Sembilan Timur dan Negeri Sembilan Barat. Daerah Rembau, Tampin, Kuala Pilah dan Jelevu termasuk dalam kawasan timur manakala Port Dickson dan Seremban di sebelah barat. Mengikut bancian tahun 1985, peratusan penduduk di kawasan timur lebih rendah berbanding di barat. Ketidakseimbangan ini berlaku disebabkan faktor ekonomi, sosial, budaya dan sejarah perkembangan sesuatu kawasan tersebut.⁵ Di Rembau umpamanya, peratusan penduduk yang tinggal di kawasan kampung lebih tinggi berbanding yang tinggal di sekitar pekan Rembau. Hanya menjelang tahun 2000 barulah bilangan penduduk meningkat disebabkan wujudnya beberapa projek perumahan selain wujudnya kawasan perindustrian.⁶

2.2 Rembau

Rembau dikenali sebagai daerah beradat dan adalah daerah yang kedua besarnya di antara tujuh buah daerah yang membentuk Negeri Sembilan. Pekan Rembau terletak kira-kira 16 kilometer dari Seremban dan mengarah ke selatan. Kedudukan daerah ini di antara daerah Kuala Pilah dan Tampin di timur, Seremban dan Port Dickson di barat dan negeri Melaka di selatan (Lihat Peta 1). Ia terpisah daripada laluan utama dan secara langsung menjadikan suasana di sekitarnya agak tenang dan tidak sibuk. Terdapat beberapa buah kompleks kerajaan seperti Majlis Daerah Rembau, Pejabat Tanah, Mahkamah, Jabatan Agama yang baru terletak di suatu kawasan khas di seberang jalan utama menuju ke Seremban dan Tampin.

⁴ Empat daerah yang mempunyai Undang ialah Rembau, Sungai Ujung, Jelevu dan Johol. Undang dianggap sebagai waris utama ke atas sebahagian hasil luhak. Undang Rembau berhak mendapat makanan dari tanah yang belum bermilik dan dikatakan 'berkhalifah' iaitu wakil Tuhan di dalam dunia.

⁵ Contohnya Port Dickson menjadi antara kawasan padat penduduk kerana faktor sejarah yang berkaitan pergolakan politik zaman lampau seperti di kota Lukut dan dibantu dengan faktor geografinya yang menjadi tarikan menerusi sektor pelancongan yang semakin pesat.

⁶ Rujuk LAMPIRAN A (19) tentang Rembau oleh Hajah Puasa Radin.

Deretan kedai sekitar pekan Rembau sama ada bangunan lama mahupun bangunan baru yang didirikan, kelihatan dirancang oleh Majlis Daerah dengan baik kerana begitu tersusun dan memudahkan segala urusan niaga dijalankan di sepanjang laluan yang dikhaskan. Selama beberapa dekad tiada kejadian yang tidak diinginkan dilaporkan kerana Balai Polis diletakkan berhampiran pekan tersebut. Kawalan keselamatan dan pemantauan yang teratur daripada pihak berkuasa tempatan dapat dilihat menerusi kewujudan bank-bank dan lot-lot perniagaan yang semakin bertambah. Suasana harmoni ini turut menggalakkan perlembangan sosial dan budaya masyarakat Rembau. Setiap anggota masyarakatnya saling menghormati, berinteraksi sesama mereka dengan baik dan menunjukkan sikap toleransi walaupun berbeza agama.

2.3 Dinamika Penduduk Rembau

Umumnya, penduduk Melayu di Rembau berketurunan Minangkabau iaitu suku bangsa Melayu yang berasal dari daerah Sumatera, Indonesia.⁷ Mengikut sejarah, penduduk asal Rembau dikatakan terdiri daripada kaum asli atau orang Jakun yang berkahwin dengan orang Minangkabau. Istilah Jakun ini masih lagi digunakan di Rembau dengan menamakan suku atau kelompok kekeluargaan yang berhak mewarisi pusaka undang. Ahli-ahli suku ini adalah keturunan ketua orang Jakun atau Batin. Norhalim Hj Ibrahim (1996:32-33) mengatakan bahawa kedatangan awal penghijrah daripada Minangkabau memperakui bahawa wujudnya penduduk asli di Rembau pada masa dan sebelum mereka sampai ke Rembau. Terombo atau perbilangan yang mengaitkan dengan hal ini dinyatakan seperti berikut :

Gagak hitam, gagak senoi
turun dari bukit, berkaki empat

⁷ Orang Sumatera yang dimaksudkan ialah Minangkabau, yang dikatakan kedatangan mereka pada kurun masihi ke-15. Terdapat sekumpulan batu-batu lama dalam kawasan kubur tua di Pengkalan Kempas, sekarang dikenali sebagai Keramat Sungai Ujung. Batu-batu itu serupa keadaannya seperti yang terdapat di Minangkabau. Catatan tarikh 1467 pada batu tersebut menandakan ia berlaku pada masa Melaka diperintah oleh Sultan Mansur Syah.

bangau putih
datang dari laut, berkepak sayap

Perbilangan di atas dapat dipecahkan kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama mengisahkan tentang penduduk tempatan semasa kedatangan penghijrah Minangkabau. 'Gagak hitam' dan 'gagak senoi' dalam perbilangan tersebut bermaksud orang asli atau penduduk asal Rembau. Kata 'bukit' menerangkan tempat tinggal mereka iaitu kawasan hutan di pedalaman. Bahagian kedua perbilangan ini mengisahkan tentang kaum pendatang yang diibaratkan sebagai 'bangau putih' yang datang dari laut, iaitu Selat Melaka. Kedatangan mereka dengan perahu layar dilambangkan dalam perbilangan sebagai 'berkepak sayap'.⁸

Mengikut cerita lisan, Rembau yang dulunya dikenali sebagai Perabu telah dibuka oleh sekumpulan puak Jakun. Perabu adalah perkataan Sanskrit-Jawa yang bermaksud daulat, yang dipertuan atau anak raja (Wilkinson 1955:882). Wilayah atau perkampungan orang Jakun berada di bawah pentadbiran Batin 'negeri' Perabu. Mereka diketuai oleh Batin Tok Pak Tinggam (Norhalim Ibrahim 1996:33). Pada awal ke-16 orang Jakun di Rembau diketuai oleh Batin Sekudai telah berjaya membuka beberapa kawasan di Rembau antaranya Merbok Kerawang, Lebah Bergoyang, Subang Hilang dan Beranang.

Rembau mampu bertahan dua kali lebih lama daripada Kerajaan Melayu Melaka daripada ditakluk Barat kerana inspirasi daripada sistem Adat Perpatih yang diamalkan rakyatnya. Melalui sistem adat ini bukan kepentingan individu tetapi kepentingan kelompok rakyat yang diberikan keutamaan. Sejarah membuktikan bahawa kerajaan Rembau merupakan salah sebuah negeri terakhir di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu yang berjaya dijajah Inggeris. Kini Rembau yang mempunyai keluasan kira-kira 254 km persegi dikategorikan sebagai kawasan luar

⁸ Rujuk LAMPIRAN A (35) tentang penduduk asal Rembau oleh Cikgu Mohd Isa Noh.

bandar yang kian berkembang. Penduduknya terdiri daripada berbagai bangsa dan keturunan telah menjadikan pekan kecil ini agak sesak terutama ketika hujung minggu.

Penduduk Rembau yang berjumlah 39,776 orang ini termasuklah bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain. Kepelbagaian bangsa yang terdapat di Rembau antara lainnya disebabkan tarikan ekonomi dan perkahwinan campur. Berikut adalah profil jumlah penduduk sehingga Disember 2003 yang diperolehi dari Unit Pembangunan, Pejabat Daerah Rembau mengikut peringkat umur.

JADUAL 1 Profil Penduduk Rembau Disember 2003.

Had Umur	Jumlah penduduk	Peratus
Umur 0 - 19 thn	16,714 orang	42 %
Umur 20 - 54 thn	17,246 orang	43.4 %
Umur 55 - 75 thn	5,816 orang	14.6 %
Lelaki	18,527 orang	46.6 %
Wanita	21,249 orang	53.4 %
Jumlah Penduduk	39,776 orang	

(Sumber : Pejabat Daerah Rembau)

Taburan penduduk di Rembau dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya pembentukan geografi di kawasan-kawasan tertentu yang menyebabkan tarikan dan tolakan penduduk menjadi tidak sekata. Contohnya di beberapa kawasan sekitar

pekan Rembau terdapatnya bukit-bukau yang masih dihuni oleh Orang Asli dengan mengerjakan pertanian sara diri yang membentuk hutan sekunder.⁹ Manakala di beberapa kawasan lain seperti Senama Hilir, Kampung Chuai dan sekitarnya aktiviti pertanian tidak lagi dijalankan dan menyebabkan berlakunya proses migrasi dalaman.¹⁰ Peluang pekerjaan yang terbuka luas pula menyebabkan kebanyakan penduduk tertumpu di kawasan perindustrian dan kejuruteraan. Contohnya di Chembong, Pedas dan sekitar pekan Rembau telah didirikan banyak rumah murah dan rumah teres untuk keperluan penduduk yang bekerja dalam sektor tersebut.

Kewujudan pekan-pekan kecil ini menggalakkan tumpuan penduduk ke suatu kawasan. Keadaan itu ditambah pula dengan beberapa peranan kerajaan yang berusaha memberi kemudahan sebaiknya kepada penduduk. Antaranya termasuklah mewujudkan sekolah, menaik taraf klinik kesihatan dan membangunkan frasarana yang lengkap. Di kawasan luar bandar pula kebanyakan tanah pertanian tidak lagi diusahakan secara giat menyebabkan jumlah penduduk berkurangan. Berikut adalah faktor-faktor berlakunya perubahan penduduk di Rembau :

2.3.1 Migrasi

Migrasi penduduk merujuk kepada perpindahan penduduk dari tempat ke satu tempat yang lain. Biasanya terdapat dua jenis migrasi iaitu migrasi dalaman dan antarabangsa. Di Rembau migrasi dalaman lebih ketara disebabkan faktor tolakan di tempat asal dan faktor tarikan di tempat yang ditujui. Pola migrasi dalaman yang terdapat di Rembau dipengaruhi oleh migrasi penduduk luar bandar ke bandar. Kebanyakan penduduk yang terlibat dalam proses migrasi ini terdiri daripada kaum lelaki yang berumur 18 hingga 40 tahun atau dalam sistem Adat Perpatih disebut merantau. Mereka dianggap sebagai golongan

⁹ Hutan yang ditumbuhi pokok-pokok jarang, semak-samun dan belukar.

¹⁰ Proses pola migrasi dalaman bermaksud penghijrahan penduduk dari satu tempat ke tempat yang lain di dalam negerinya sendiri.

produktif yang berhijrah ke bandar-bandar besar kerana mencari peluang pekerjaan yang lebih tetap dan taraf hidup yang lebih tinggi.

2.3.2 Kadar kematian

Kadar kematian ialah jumlah bilangan kematian berbanding dengan jumlah penduduk bagi setiap 1000 orang. Kadar kematian di Rembau adalah rendah dan dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya taraf kesihatan yang baik dengan kemudahan perubatan yang lengkap, peranan kerajaan seperti bayaran rawatan yang rendah, peningkatan taraf hidup dan kesedaran dalam penjagaan kesihatan serta peningkatan taraf sosio ekonomi.

2.3.3 Kadar kelahiran

Berlakunya kelahiran iaitu jumlah kelahiran bayi berbanding jumlah penduduk bagi setiap 1000 orang. Ia dipengaruhi oleh keadaan ekonomi yang stabil, taraf hidup sesebuah keluarga, taraf kesihatan, ajaran agama dan pengamalan perancangan keluarga serta insentif oleh kerajaan seperti pengecualian cukai tanggungan dan cuti bersalin.¹¹

Perubahan penduduk yang berlaku ini menyebabkan penerokaan sumber dan keperluan tanah menjadi tidak seimbang dengan keperluan penduduk. Di kawasan pedalaman di daerah Rembau kepelbagaian sumber tidak dapat diuruskan dengan baik kerana kekurangan penduduk. Kebanyakan golongan yang menghuni kawasan-kawasan ini terdiri daripada warga tua menyebabkan tanah-tanah dan sumber-sumber tertentu tidak dapat diusahakan dengan giat. Masalah tanah terbiar dan tidak diusahakan ini diselesaikan oleh beberapa pihak yang mahu tanah tersebut dimajukan sama ada dengan memajukkan kepada pemaju atau mengusahakannya secara berkelompok. Kawasan-kawasan berdekatan rumah biasanya tidak diambil alih oleh

¹¹ Sumber lisan daripada Jururawat Desa, Siti Rahmah daripada Klinik Kesihatan Pedas. Menurutnya peratus kematian bayi adalah 0% (2001-September 2003) kerana ibu-ibu mengambil langkah pemeriksaan awal di klinik. Hanya satu kes amnesia dilaporkan sepanjang tempoh kempen bayi sihat di klinik tersebut.

pihak-pihak tertentu kerana kawasan yang dipanggil porak ini dikhususkan untuk menanam sayur-sayuran atau sekadar untuk mengeluarkan peluh. Lebih 3,000 orang penduduk sekitar usia emas menghuni di beberapa buah kampung dengan hanya mengerjakan tanah sekadar mengisi masa lapang.¹²

2.4 Politik

Raja yang memerintah Negeri Sembilan bergelar Yang di-Pertuan Besar di mana taraf dan kedudukannya adalah sama dengan raja dan sultan-sultan di negeri-negeri Melayu yang lain di Malaysia. Perbezaan asas antara raja-raja di negeri-negeri Melayu dengan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan ialah baginda dibantu oleh empat orang ketua utama di negeri ini yang bergelar Undang yang Empat. Undang yang Empat itu ialah Undang Rembau, Undang Jelevu, Undang Johol dan Undang Sungai Ujung. Terdapat dua jenis pentadbiran di Rembau, iaitu sistem legal birokrasi dan sistem adat yang berjalan selari. Sistem legal birokrasi merangkumi ciri-ciri berikut :

- a) Ketua pentadbir legal birokrasi di Rembau ialah Pegawai Daerah yang bertanggungjawab sebagai Pemungut Hasil dan mengetuai Majlis Daerah. Pegawai Daerah dibantu oleh beberapa orang Penolong Pegawai Daerah yang bertanggungjawab ke atas unit-unit pentadbiran tertentu, antara lain unit-unit pembangunan, tanah, cukai dan pentadbiran am serta majlis daerah.
- b) Bagi melicinkan pentadbiran, Rembau telah dibahagikan kepada 17 buah mukim yang ditadbir oleh lima orang penghulu mukim. Setiap

¹² Rujuk LAMPIRAN A (16) dan (17) tentang aktiviti warga emas oleh Hajah Puasa Radin dan Hajah Selimah Lebai Sarif.

seorang penghulu mukim mentadbir tiga atau empat mukim bergantung kepada keluasan mukim itu (Norhalim Ibrahim, 1995:3).

- c) Sesebuah kampung akan ditadbir oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Terdapat sebanyak 36 buah JKKK di daerah Rembau. Jawatankuasa ini bertindak sebagai ejen pelaksanaan berbagai projek pembangunan di samping mengetuai unit-unit kecil seperti hal-ehwal agama, hal-ehwal wanita, kesihatan, pendidikan dan kebajikan (Norhalim Ibrahim, 1995:3). Jawatankuasa ini harus bersidang setiap bulan bagi merancang agenda terutama projek pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan. Hasil mesyuarat akan dilaporkan terus kepada Pegawai Daerah. Secara ironinya, JKKK merupakan badan penghubung antara kerajaan dengan masyarakat kampung.

Sistem adat pula lebih menjurus kepada Adat Perpatih yang diamalkan oleh penduduk daerah ini yang dikenali sebagai luhak. Sistem adat menjuraikan keturunan berdasarkan nisab ibu dan hukuman-hukuman tertentu juga dikenakan seperti undang-undang yang sedia ada di negeri lain. Rembau yang merupakan antara empat luhak utama di Negeri Sembilan selain Johol, Jelevu dan Sungei Ujong melantik ketua luhak yang digelar undang. Dalam tiap-tiap luhak ada satu suku yang istimewa dan diberi taraf menjadi undang iaitu suku Biduanda.¹³ Ketua suku ialah Lembaga yang menguruskan segala hal ehwal suku. Suku terbentuk daripada unit-unit kekeluargaan kecil dipanggil perut yang diketuai oleh Buapak. Ketua-ketua adat mesti lancar dan arif dalam memperkatakan falsafah dan tujuan sesuatu adat yang berhubung dengan kelompok bawahannya.

¹³ Di Rembau, undang dipilih dari dua perut suku Biduanda di Baruh. Perut-perut ini ialah Biduanda Jakun dan Biduanda Jawa. Undang dari perut Biduanda Jakun digelar Datuk Lela Maharaja manakala undang dari perut Biduanda Jawa digelar Datuk Sedia Raja.

Konsep adat tentang masyarakat pada masa dahulu adalah satu negeri yang mengandungi kelompok-kelompok kekeluargaan terdiri daripada lapisan atau peringkat kelompok keturunan. Setiap satu lapisan itu pula mempunyai wilayahnya sendiri mengikut hierarki kepimpinan dan saiz. Walaupun sistem ini masih wujud tetapi pengamalannya terdiri daripada golongan tua dan sistem ini akan terserlah ketika berlangsungnya upacara-upacara tertentu yang berkaitan adat seperti perkahwinan dan kematian.¹⁴ Justeru itu amat perlunya generasi muda yang ada ini mengambil sikap ingin tahu terhadap sistem adat yang terdapat dalam sekitar hidup mereka kerana tanpa usaha-usaha itu akan lenyap segala salasilahnya.

2.5 Ekonomi

Negeri Sembilan merupakan antara salah sebuah negeri di Malaysia yang maju dalam bidang perusahaan dan perindustrian. Sektor perusahaan kini mengambil alih kepentingan sektor pertanian. Peranan kerajaan dalam memantau sektor ini terus menarik pelaburan yang memberangsangkan. Rembau turut berkembang sebagai sebuah daerah yang maju dalam perindustrian yang berpusat di Chembong.¹⁵ Adanya galakan daripada kerajaan terutama Kementerian Pembangunan Luar Bandar membolehkan penduduk-penduduk di beberapa kawasan mengusahakan industri kecil sederhana (IKS) yang memberikan pendapatan sampingan kepada penduduk terutama pemilik tanah terbiar. Antara kawasan yang telah menjalankan projek ini ialah Kampung Sawah Lebar dan Kampung Pedas Gaing yang mengusahakan industri membuat keropok dan kuih-muih semenjak tahun 1999.¹⁶

Sesuai dengan dasar pembangunan ekonomi negara, kerajaan Negeri Sembilan juga memberi perhatian dalam sektor pelancongan. Setiap tahun jumlah pengunjung meningkat disebabkan beberapa faktor seperti kedudukannya yang

¹⁴ Rujuk LAMPIRAN A (15) tentang adat resam oleh Hajah Selimah Lebai Sarif.

¹⁵ Lebih dikenali sebagai Kawasan Perindustrian Chembong yang menempatkan sejumlah besar kilang antaranya termasuklah pemerosesan makanan, kejuruteraan, elektronik dan pembuatan perabot.

¹⁶ Rujuk LAMPIRAN A (13) tentang perubahan pekan Pedas oleh Puan Nafizah Wahab.

berhampiran ibu negara Kuala Lumpur yang mudah untuk dikunjungi dan peranan kerajaan Negeri dengan mengadakan program-program khusus untuk menarik jumlah pelancong. Negeri Sembilan yang mempunyai beberapa kawasan pelancongan seperti kawasan tanah tinggi dan tempat-tempat bersejarah menggunakan sepenuhnya ciri-ciri fizikal untuk menarik perhatian pengunjung pelbagai lapisan umur dan latar belakang. Di Rembau produk pelancongan lebih tertumpu kepada kawasan-kawasan bersejarah, antaranya:

- 1) Makam Tunku Besar Raja Bujang terletak di lereng bukit di Kampung Penajis, Ulu Sepri. Beliau dikenali sebagai Raja Ali mangkat sekitar tahun 1645 dan mendirikan istana di kawasan lembah Sungai Batu Hampar yang dikenali sebagai Istana Ijok pada tahun 1622-23.¹⁷
- 2) Bukit Keluat di Nerasau.¹⁸ Di atasnya dibina Istana Hinggap Maharaja Abu Bakar Johor yang sering berangkat ke Rembau pada tahun 1820-an dan 1830-an dalam rangka kunjungan ke Rembau untuk menerima mengadap Datuk Lela Maharaja Haji Sahil.¹⁹
- 3) Masjid Selemak, masjid pertama didirikan selepas pembukaan Rembau Darat oleh perantau dari Sumatera. Masjid yang telah diperbaiki dari semasa ke semasa ini berusia tidak kurang daripada 500 tahun.

¹⁷ Istana ini dijadikan tempat perlindungan oleh Raja Melewar apabila baginda kalah perang melawan Raja Khatib dalam tahun 1723. Beliau telah tinggal di istana ini sehingga tahun 1726. Istana ini dikenali sebagai Istana Ijok kerana sebahagian besar bahan yang digunakan adalah daripada tumbuhan ijok (Norhalim Hj Ibrahim 2000:122).

¹⁸ Kampung Nerasau adalah kediaman Datuk Lela Maharaja Haji Sahil, Penghulu Rembau ke-15 (1872-1883).

¹⁹ Tujuan Maharaja Abu Bakar ke Rembau adalah untuk mempengaruhi Datuk Haji Sahil supaya tunduk semula ke bawah naungan kerajaan Johor dan Inggeris.

- 4) Kota Pemas, yang dibangunkan di persimpangan Sungai Rembau dan Sungai Pemas. Bentengnya digunakan untuk mengutip cukai daripada kapal yang hilir mudik di antara Kuala Linggi dan Rembau pada abad ke-19. Kota ini juga digunakan sebagai kubu pertahanan Rembau menentang tentera Portugis dan Belanda pada abad ke-16 dan ke-17.
- 5) Bekas tapak istana Raja Rembau, tempat Raja Melewar ditabalkan pada tahun 1721-22. Kini dikenali sebagai Kampung Istana Raja.
- 6) Makam Dol Said di Taboh Naning. Sewaktu perang Naning - Inggeris pada Ogos 1831, kerajaan Rembau memberi bantuan untuk menangkis usaha penaklukan Naning oleh Inggeris.
- 7) Benteng perang terletak di Kampung Gadang Baruh. Benteng ini pernah digunakan dalam peperangan antara Haji Sahil (Chengkau) dengan Haji Mustapha (Gadong) untuk merebut jawatan penghulu sekitar tahun 1872-73.
- 8) Kampung Penajis Bandar, dahulunya pusat pemerintahan Raja Muda Rembau, Raja Ali. Pada 21 Oktober 1823, Gabenor Negeri-negeri Selat telah sampai ke kampung ini kerana mengadakan kunjung hormat kepada Raja Ali.
- 9) Makam Datuk Lela Maharaja Haji Sahil, Undang Rembau ke-15.²⁰

²⁰ Datuk Haji Sahil ialah penyandang pusaka Penghulu Rembau terakhir. Selepas beliau, gelaran Penghulu ditukar menjadi Undang sehingga hari ini. Beliau telah dituduh oleh kerajaan Inggeris sebagai menyalahgunakan kuasa dan dibicarakan di Melaka dalam satu Mahkamah Kangaroo buatan Inggeris dengan Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Fredrick Weld menjadi hakim. Beliau sangat dibenci oleh Weld kerana menghalang hajatnya untuk menakluk Rembau (Norhalim Hj Ibrahim 2000:107).

Selain itu beberapa kediaman rasmi Undang, Balai Adat dan Rumah Telapak turut menjadi tumpuan pengunjung luar yang rata-ratanya datang untuk mengetahui sejarahnya.²¹ Kawasan rekreasi yang sering menjadi tumpuan pula antaranya seperti Gunung Rembau yang dikenali sebagai Gunung Datuk dan kawasan air panas di Pedas yang kini dikomersilkan menjadi *Pedas Wet World Water Park*. Dua tempat ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan pengunjungnya sentiasa padat terutama pada hujung minggu. Rumah rehat dan hotel-hotel kecil diwujudkan untuk memudahkan penginapan. Manakala sektor pertanian secara tersusun dan terancang dilaksanakan oleh agensi kerajaan seperti FELDA, FELCRA atau RISDA. Sungguhpun di kawasan timur Negeri Sembilan berpotensi sebagai kawasan tanaman getah dan kelapa sawit, di daerah Rembau tidak diwujudkan perkampungan terancang itu. Kebanyakan penduduk menetap di tanah milik mereka dengan mengerjakan kebun kecil dan sebahagiannya bekerja di kilang berdekatan.

2.6 Sosial

Kerajaan memainkan peranan penting dalam memastikan kehidupan sosial penduduk terutama dalam daerah ini berada dalam suasana yang memuaskan. Antaranya membina prasarana yang sempurna serta membuka peluang memperoleh pendidikan, kesihatan dan sebagainya dengan baik. Contohnya terdapat beberapa buah sekolah berlainan aliran ditubuhkan bagi memenuhi kehendak pendidikan seperti sekolah agama beraliran Arab, Inggeris, Cina serta dua buah sekolah Teknik Vokasional (Pertanian dan Ekonomi Rumahtangga) dan sebuah institusi khas pemulihan Seri Puteri. Institut Latihan Perindustrian (ILP) di Pedas antara yang terkini ditubuhkan dengan matlamat untuk memberi latihan kemahiran industri kepada remaja-remaja lepasan sekolah.

²¹ Rujuk PETA 2 (Rembau) pada lampiran.

Setiap mukim di dalam daerah Rembau ini dibina dewan orang ramai sebagai tempat masyarakat setempat berkumpul bagi melangsungkan pelbagai aktiviti peringkat mukim masing-masing. Di bawah peruntukan kerajaan, kebanyakan dewan ini tidak lagi terbiar memandangkan aktiviti penduduk tertumpu di dewan orang ramai. Malah kebanyakan kelas prasekolah dibina bersebelahan dewan tersebut dengan pemantauan daripada Kemajuan Masyarakat (KEMAS) daerah Rembau. Antara aktiviti yang giat dijalankan di kampung-kampung seperti membuat ragi dan kuih-muih untuk dipasarkan di sekitar Rembau dan bandar Seremban.²²

Taraf kesihatan Rembau amat baik kerana selain klinik kerajaan terdapat 5 buah klinik swasta yang sedang beroperasi di Rembau. Setiap mukim juga disediakan sebuah klinik desa untuk memudahkan penduduk menerima rawatan tanpa perlu ke klinik kesihatan atau hospital di Seremban. Taraf kesihatan yang baik merupakan salah satu faktor kebanyakan golongan tua di beberapa buah kampung dapat mengekalkan usia hingga lewat 70-an. Pada usia senja begini, kehadiran mereka dalam sesuatu majlis atau keramaian sememangnya dihargai. Walaupun tidak mengepalai istiadat, kehadiran mereka sebagai 'pakar rujuk' umpama penyambung tali yang tidak akan putus.

2.7 Adat Perpatih

Masyarakat Melayu yang mendiami Alam Melayu sejak zaman prasejarah telah mencipta budaya dan sistem kehidupan mereka sendiri sejak orang Melayu mula membentuk masyarakat dalam berbagai kelompok dan suku. Tradisi ini seterusnya diwarisi dari satu generasi ke satu generasi secara lisan.²³ Setiap masyarakat yang mempertahankan Adat Perpatih menyedari betapa pentingnya tradisi dan adat itu

²² Rujuk LAMPIRAN A (18) untuk mengikuti temubual bersama seorang pembuat ragi di Kampung Air Sekapas, Hajah Kalsom Uda (73 tahun).

²³ Penurunan secara lisan telah menyebabkan kehilangan dan tokok tambah elemen-elemen dan aspek-aspek sistem itu. Pendokumentasian tradisi lisan ini hanya mula dilaksanakan pada pertengahan abad ke-19 oleh pegawai tadbir Inggeris, dan kerja ini berlanjutan sehingga pertengahan abad ke-20.

dalam melambangkan identiti masyarakat dan budaya Melayu. Adat Perpatih yang menjadi rukun utama dalam mewujudkan masyarakat Perpatih ini dijemakan oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang yang berunsurkan lagenda. Seterusnya membentuk kelompok-kelompok padu dan menjalankan berbagai peranan dan fungsi. Sebahagian besar pengamalnya terdiri daripada generasi tua dan menganggap Adat Perpatih akan terus berakar umbi selama mungkin sebagai kepentingan bersama selain bergotong-royong dan berdemokrasi.

Menurut Norazit Selat (1995:128), dalam Adat Perpatih masyarakat itu lebih penting dari individu. Maka setiap individu di samping berbakti kepada dirinya mestilah juga menyumbang kepada kesejahteraan dan kemajuan masyarakatnya. Seseorang itu harus menabur budi kepada mereka yang memerlukannya dan tidak manis sekiranya bersifat seperti 'enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing'. Adat Perpatih ini menjadi rukun atau syarat utama bagi mewujudkan masyarakat Perpatih. Seterusnya membentuk kelompok-kelompok padu yang diperlukan oleh masyarakat dalam menjalankan berbagai peranan dan fungsi.

Adat Perpatih membawa sistem nilai agar dapat dilaksanakan dan dijadikan amalan sehari-harian demi perpaduan, kekuatan, keutuhan dan kepimpinan masyarakat Melayu. Hal ini ditekankan begitu baik dan diteladani oleh masyarakat Perpatih antaranya seperti muafakat dan gotong-royong yang boleh dijadikan garis panduan untuk memupuk perpaduan dalam usaha mencari penyelesaian bagi sebarang krisis. Adat Perpatih berdasarkan prinsip 'baik dipakai dek muafakat, buruk dibuang dek rundingan' yang bererti setelah bermuafakat dan berunding, maka haruslah diambil sesuatu perkara yang baik dan sekiranya buruk haruslah ditinggalkan.²⁴

²⁴ Rujuk LAMPIRAN A (11) tentang Adat Perpatih oleh Dato' Dr. Ramli Ujang.

Semua peraturan ini tidak tertulis dalam bentuk buku atau sebagai perlembagaan, sebaliknya hanya wujud dalam bentuk-bentuk pengucapan seperti perbilangan, pepatah-petitih atau kata-kata adat yang diwarisi turun-temurun. Keunikan susun bait kata perbilangan membuktikan kepada generasi kini betapa kukuhnya pemikiran masyarakat lama dalam menterjemahkan bentuk-bentuk lisan menjadi sebahagian peraturan hidup. Kata-kata ini sungguhpun diwarisi turun temurun semenjak sekian lamanya namun struktur bahasanya masih kekal tanpa dipengaruhi unsur-unsur luar.²⁵

Kata perbilangan ini mempunyai erti yang mendalam dan mengikat nilai serta budi ke tahap tertinggi. Ia disampaikan dengan begitu baik oleh masyarakat Melayu malah tiada siapa menafikan kata-kata perbilangan ini yang merupakan hak kepandaian bersama masyarakat dahulu. Setiap bait yang dituturkan penuh luhur mengangkat nilai budi masyarakat ketika itu. Contohnya :

Masuk kandang kambing mengembek
Masuk kandang kerbau menguak
Mana bumi dipijak
Di situ langit dijunjung.

Perbilangan di atas bermaksud individu tersebut harus berbudi bahasa dan berbudi pekerti tinggi. Dia mesti tahu menghormati orang lain yang lebih tua darinya dan pada masa yang sama pandai menyesuaikan diri mengikut keadaan dan masa. Dia juga mesti tahu memainkan peranannya dalam masyarakat dan mengenali dengan mendalam dirinya sendiri. Dalam konsep Adat Perpatih, manusia yang hidup bermasyarakat harus bertimbang rasa dan jujur. Setiap perlakuannya mesti berpaksikan kedua-dua nilai ini. Bertimbang rasa dalam ertikata dia mesti menilai dengan mendalam kesan perlaksanaannya ke atas individu lain. Mengikut perbilangan seperti di sebelah :

²⁵ Rujuk LAMPIRAN A (2) tentang kata adat oleh Hajah Habesah Haji Itam.

Yang elok dek awak itu
 Setuju dek orang hendaknya
 Sakit dek awak sakit dek orang
 Lemak dek awak lemak dek orang

Perbilangan di atas jelas sekiranya seseorang itu prihatin dan sensitif terhadap orang lain maka dia tidak akan bertindak mengikut selernya. Dia akan menghormati orang lain dan sentiasa bersikap jujur. Apabila sesuatu menyentuh anggota masyarakatnya, setiap individu harus memberi penegasan terhadap apa yang berlaku supaya perkara yang berbangkit itu tidak akan ditenggelami oleh keputusan yang tidak dipersetujui ramai. Dalam sistem sosial Adat Perpatih, masyarakat lebih diutamakan terutama dalam membuat sebarang keputusan. Jalinan individu dan masyarakat yang sekian lama ini tidak dapat dipisahkan – ‘tercencang puar, tergerak andilau’ bermaksud sesuatu yang menyentuh individu akan turut menyentuh masyarakat dan sebaliknya (Nordin Selat 1976:2). Begitu juga dalam memberikan pendapat atau pandangan, individu tersebut mesti amanah dan ikhlas tanpa mempunyai niat yang lain apabila menggerakkan sesuatu inisiatif.

Kok gadang jangan melanda
 Kok cerdik jangan menjual

Sekiranya seseorang yang kuat atau berkuasa itu menggunakan kekerasan untuk menyelesaikan masalah yang timbul dan sekiranya yang cerdik sering menipu yang bodoh maka masyarakat akan terumbang-ambing dan musnahlah keharmonian. Jadi apabila dia diberi kuasa maka tanggungjawab itu hendaklah dijalankan penuh kejujuran dan tidak menyalahgunakan kuasa yang diberikan itu.²⁶

²⁶ Penguatkuasaan tidaklah diikuti seratus-peratus umpamanya sesuatu pemuluan yang dianjurkan Buapak terhadap anak buahnya yang bersalah. Pemuluan ini tetap dipatuhi. Namun kalau ada yang melanggarnya ia dilakukan secara sembunyi dan dilakukan oleh seorang dua sahaja atas dorongan-dorongan peribadi. Kepatuhan mereka tetap ada, contohnya kaum perempuan patuh kerana takutkan kaum lelaki. Kaum lelaki patuh kerana mereka yang menjatuhkan adat itu dan ‘seadat’.

Adat-adat ini meskipun diciptakan oleh manusia, ia dianggap sebagai peraturan hidup di dunia dan ada ketikanya tidak boleh diubah terutama yang agak fundamental seperti hidup bersuku, mengira keturunan dari nisab ibu dan sistem tanah pusaka. Hal-hal ini dikira penting kerana ia merupakan asas kepada adat (Nordin Selat 1976:3). Sekiranya dilanggar atau diubah, musnahlah adat dan kehidupan masyarakat itu kelihatan jengkel tanpa pegangan.

Namun, walaupun dianggap sebagai satu aturan hidup yang lengkap, Adat Perpatih juga mengalami perubahan dan kebanyakan aspek adat ini tidak diamalkan lagi. Orang Melayu di Negeri Sembilan sendiri turut mempertikaikan tentang beberapa aspek Adat Perpatih. Contohnya pembahagian harta pusaka yang memihak kepada kaum wanita. Perkara demikian dipertikaikan kerana secara zahirnya wanita dianggap kaum yang lemah dan tidak mampu mengerjakan tanah tanpa bantuan kaum lelaki. Lebih jelas setelah wania itu berumahtangga dan lelaki itu harus tinggal di tanah milik wanita tersebut. Setelah wanita itu meninggal dunia, si suami ini mesti dihantar pulang ke tempat asalnya atau dengan maksud lain dia tidak boleh tinggal di tanah milik arwah isterinya. Keadaan ini memberi tamparan kepada kepada si suami yang mengikut adatnya harus 'dijemput' pulang ke rumah asal oleh anak-anaknya. Sudahnya timbullah kesan-kesan lain, antaranya tanah milik si isteri akan terbiar dan tidak diusahakan melainkan jika ada penyambungunya seperti anak perempuan.

Adat Perpatih memberi sebab jelas sekiranya diambil kira logik dan konflik ternyata setiap aspek yang diamalkan mempunyai kebaikan kepada wanita. Adat Perpatih menerima perubahan, tetapi perubahan ini tidak dilakukan kepada perkara-perkara asas seperti sistem pusaka, sosial dan politik adat. Akan hilang teras sistem Adat Perpatih sekiranya beberapa perkara tersebut diubahsuai seperti perbilangan :

Usang-usang diperbaharui
Lapuk-lapuk dikajangi
Yang elok dipakai

Yang buruk dibuang
 Kalau singkat minta disambung
 Kalau panjang minta dikerat
 Kalau koyak minta ditampal.

Adat-istiadat, kelaziman dan sikap mungkin boleh melalui perubahan dan pengubahsuaian tertentu agar dapat disesuaikan dengan keadaan semasa. Perubahan-perubahan ini tidak akan menjejaskan sistem Adat Perpatih. Namun, sebahagian besar masyarakat Islam lebih merujuk kepada agama Islam terutama dalam beberapa hal yang mengelirukan. Tidak timbul penyelewengan sekiranya masalah-masalah tertentu diselesaikan secara mesyuarah termasuklah soal pemilikan harta pusaka yang selalu ditimbulkan.²⁷

Seperti juga halnya dalam keutamaan memelihara keturunan itu tidak bertahan jika golongan muda yang ada tidak memahami pelapisan asal-usulnya kerana mereka dianggap sebagai pewaris sistem adat ini. Usaha daripada pelbagai peringkat di samping kesedaran tahap adat yang baik akan dapat memastikan generasi muda tidak lupa asal-usulnya seterusnya dapat memikul tanggungjawab memelihara adat yang tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas (Norazit Selat 1995:47). Ini penting kerana melalui merekalah terbentuknya identiti yang menjadi kebanggaan bangsa itu sendiri. Seterusnya dapat membentuk nilai kerana nilai adalah penggerak kelakuan yang merupakan tanggapan, fikiran, konsep tentang sesuatu yang dikatakan oleh pemikiran.

2.8 Kesimpulan

Kedatangan orang Minangkabau pada abad ke-15 dahulu telah banyak mempengaruhi budaya tradisi penduduk tempatan. Hal-hal berhubung sistem adat, kepimpinan, ekonomi dan sosial masyarakat ini sebahagian besarnya telah berubah mengikut pengaruh yang dibawa oleh orang Minangkabau itu. Pada akhirnya sistem Adat

²⁷ Rujuk LAMPIRAN A (22) tentang harta pusaka oleh Muhamad Kasan Sudin.

Perpatih yang telah disesuaikan dengan budaya tempatan telah menjadi sebahagian cara hidup masyarakat di negeri ini. Kehadiran Adat Perpatih yang wujud dalam bentuk-bentuk pengucapan seperti perbilangan, pepatah-petitih atau kata-kata adat diwarisi turun temurun selagi ada pengamalannya. Adat yang unik ini mempunyai sistemnya sendiri yang menyerupai beberapa lingkaran konsentrik yang melingkari satu pusat sama ada keagamaan mahu pun corak hidup masyarakatnya. Nilai-nilai dalam masyarakat Adat Perpatih dipupuk semenjak kecil agar proses sosialisasi dapat dijalankan tanpa ada pengaruh asing.

Inspirasi daripada sistem Adat Perpatih juga telah membawa Rembau sebagai sebuah daerah yang teguh dengan amalan sosial Adat Perpatih sehingga kini. Rembau yang merupakan daerah kedua besarnya di Negeri Sembilan masih mengamalkan Adat Perpatih dan kesinambungannya dapat dilihat dalam beberapa penglibatan masyarakatnya dalam setiap aktiviti yang dijalankan di setiap mukim. Orang luar akan beranggapan adat yang kelihatan kuno ini akan menyebabkan masyarakatnya ketinggalan dalam peradaban sosial dan ekonomi. Hal ini ternyata tidak benar sama sekali memandangkan Rembau mahupun Negeri Sembilan amnya merupakan antara daerah dan negeri yang semakin berkembang dari pelbagai sudut.

Penglibatan generasi muda Rembau ada kesannya terutama ketika berlangsungnya majlis berkaitan adat. Kesemua nilai-nilai ini adalah baik dan sejagat sifatnya, harus direnungi dengan mendalam. Sungguhpun adat ini dicipta oleh manusia, terpulang kepada manusia itu untuk mempertahankan tradisi yang berakar umbi semenjak zaman puntung berasap. Namun sebagai peraturan hidup di dunia, Adat Perpatih boleh berubah dan disesuaikan mengikut peredaran zaman. Adat yang tersedia sememangnya dibentuk agar keunikan rumpun masyarakat di dalam wilayahnya sentiasa terpelihara umpama pepatah, dimana gading yang tidak retak adanya.

RUJUKAN

- Abdul Halim Nasir. 1987. *Kesenian dalam tamadun Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Abdul Halim Nasir. 1987. *Traditional Malay wood carving*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Abdul Rahman bin Hj Muhammad. 1964. *Dongeng-dongeng Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur : Oxford University Press.
- Abdullah Taib. 1985. *Asas-asas antropologi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Chik Mat Sarom. 1962. *Asal-usul Adat Perpatih Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur : Malay Press.
- Braginski V.I. 1994. *Erti keindahan dan keindahan erti dalam kesusasteraan Melayu klasik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buku panduan pengajaran mikro*. 1985. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyung Adil. 1981. *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gagne, R.M. 1977. *The conditions of learning*. New York : Holt, Rinehart and Winston.
- Hanapi Dollah dan Lokman Mohd Zen (pnyt.). 1995. *Kebudayaan Melayu di ambang abad baru - Satu himpunan makalah*. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu tradisional: Satu perbincangan genre dan fungsi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Din Ali. 1957. *Sambaan cakap dan pepatah adat Melayu*. Kuala Lumpur : Economy Press.
- Mohd Taib Osman. 1974. *Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur : Federal Publications.

- Mohd Taib Osman. 1988. *Bunga rampai kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. 1991. *Pengkajian sastera rakyat bercorak cerita*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman dan Hamdan Hassan (pnyt.). 1993. *Bingkisan kenangan untuk pendeta*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusof Hashim. 1992. *Teks sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad Hj Salleh. 2000. *Puitika sastera Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nadzan Haron. 1984. *Tradisi lisan sebagai sumber pengkajian sejarah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Newbold, T.J. 1968. 'Sketch of the four Minangcabowe states in the interior of Malacca'. dlm J.M. Moors (ed.). *Notices of Indian Archipelago and Adjacent Countries*. Singapore : 1834. cet. semula. London: Frankcass.
- Norazit Selat. 1995. *Nilai dan kepimpinan Adat Perpatih*. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Norazit Selat, Ibrahim Abdullah dan Md Zean Abd Aziz. 1990. *Negeri Sembilan dahulu dan sekarang*. Kuala Lumpur : Persatuan Muzium Malaysia, United Selangor Press.
- Nordin Selat. 1976. *Sistem sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur : Utusan Printcorp.
- Norhalim Hj Ibrahim. 1993. *Adat Perpatih - perbezaan dan persamaan dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti.
- Norhalim Ibrahim. 1996. *Negeri yang sembilan - daerah kecil pusaka adat warisan kerajaan berdaulat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Susanto, A.S. 1987. *Komunikasi, Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sweeny, Amin. 1994. *Malay world music. A celebration of oral creativity*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Umar Junus. 1989. *Catatan si Malin Kundang*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hashim Wan Teh dan Ismail Hamid. 1998. *Nilai budaya masyarakat desa - kajian etnografi di Wang Kelian, Perlis*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wilkinson, R.J. (selected and introduced by P. L. Burns). 1971. *Notes on Negri Sembilan (Papers on Malay Subjects)*. Kuala Lumpur/Singapore : Oxford University Press.
- Wilkinson, R.J. 1955. *A Malay-English dictionary*. Part II. London : Macmillan & Co. Ltd.
- Winstedt, R.O. 1939. History of Negri Sembilan. *Journal of the Malayan/Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 12 (3). Kuala Lumpur.

LAMPIRAN A (TEMU BUAL)

1) Undang Rembau (Dato' Dr. Ramli Ujang).

...Undang Rembau, asal-usul galurnya memang ado darah-darah Minang jugak. Minang ni tuan asal luak Rembau, dia ada hak mana-mana tanah kat Rembau, termasuk yang dah diusahakan oleh sesapo kek Rembau. Hal-hal ugama sumua, Undang ado hak, ado tanggungjawab supo Kadhi. Disisi adat macam mana? Maso Inggeris maghin, Undang bertanggungjawab soal adat, ugamo, maso tu tanah bahagi macam lain ... Ni kalau dulu, masa Dato' Adnan meninggal, arwah tak do, macam manalah pelantikan Undang seterusnya, pakai undi ke, pilih ke, waris ke, kalau pilih, sapo yang putuskan pemilihan tu? Tak do pemangku, lopaih meninggal, proses ambilalih buek gilir-gilir ikut suku Dondo (Biduanda) waris. Gilir duo suku, Dondo waris Lela Maharajo dengan Dondo waris Sedia Rajo. Ambik maso sikit lantik dari turun pesoko sampai kerjan, mau lebih kurang sebulan, 40 harilah gonap. Tak boleh masa tu jugak? Tak manis lah lopaih kebumi. Tapi yang dilantik tu maso tu dah ado, tak pulak biar tak beganti, patah tumbuh hilang beganti. Siapa pembosar yang uruskan pelantikan di maso perantaraan tu? Jatuh tanggungjawab Datuk Purba, Haji Yahaya...Arwah Undang yang ke 20, 35 tahun macam tu arwah sandang gelaran. Ye .. la, masa meninggal, Haji ada, boleh cerita macam mana istiadat nak kebumi arwah Dato', kiranya adat nak kebumi sorang-sorang Undang. Mula sekali pekara wajib, pasang langit-langit atas jenazah. Arwah bapak saya pun macam tu. Kau orang Dondo? Aih, orang Dondo saja yang pasang ni ke? Tak aih, tanyo yo. Iyo. Tiang rumah balut mo kain. Tu tak do. Ni Undang. Ye la. Kain benang omaih kek bilik jenazah. Meriam tembak tujuh kali. Tujuh kali ko tujuh das? Aa.. tujuh bunyi ae...Keris ompek bilah tikam atas tanah, pedang, tombak, payung sumua kono sodia lakolah. Bendera pun pasang, panji-panji pun pasang sumua. Ni kat Rombau, ada beza dengan luak lain? beza sikit, kito sini-sini ompek-ompek, misalan kek Sungai Ujung, duo-duo. Kito Rombau, Undang meninggal, lotak ataih keto dio, buek pakai batang pinang, tigo tingkat. Usung sampai kubur? Sampai kuburlah usung, jalan ataih kain putih, lotak panjang sampai tanah kubur. Maghin ado pukul-pukul canang, ado yang besedekah. Sekalian Lembago terimo yang terimo sedekah tu ikut kadar yang derma tu. Bila sebonarnya majlis lantik Undang baru dijalankan? Lopaih Undnag selamat makam, muafakat panggil Orang-orang Besar, Datuk-Datuk. Tu yang 40 hari. Dah umum Undang baru, dia mesti ziarah makam Undang maghin, yang baru meninggal nih. Lopaih tu baru mengadap Yamtuan Bosar.Dulu jangan main-main status Undang, tinggi. Kuaso bosar, dalam luhak, dia paling tinggi. Ikut hukum adat, Undang boleh jatuh hukum bunuh. Huh? Dengan syarat ado persetujuan sesamo jemaah Adat, biaso panggil Lembago Tiang Balai. Macam penasihat jugaklah? Macam tu lah, ikut hukum adat. Peranan Undang serupo hakimlah? Serupo hakim, ikut adat, nak ringan hukum pun guno budi bicaro Undang, *especially* hal-hal berkaitan adat, salah guno kuaso, derhako, ... Apa hukuman yang paling berat sekali? Hukum mati, buang nogori pun boleh, dulu Undang boleh jatuh hukum sula. Sula? Sula, sula ikut mulut, ikut leher, sini aa ... sini aa ... tapi tembus ikut urat dio ikut sini aa ... aaa ... tapi tak mati. Hah? Tak mati pulak. Seksa. Katakanlah ada penasihat

Undang yang tak boto, tak jalankan kojolah? Buang kojo, pecat. Kalau dio ado harto, rampaih.

2) Kata Adat (Hjh Habesah Hj Itam)

... dengan kato adat cam tu yo muleh jatuh hukum. Kiro ae ... orang nan pekonan buek undang-undang ko kanun-kanun ko apo ko, elok bonar ae .. haaa ... bekonan boto dengan kato adat nih. Pakcik ingat lae, apo ae ... nan istimewa kato adat ni, kek mano lotak ae .. *kick* kato adat nih? Omak aii ... dulu tak do undang-undang sohih haaa ... orang maghin gomar budi bahso, gomar main bahso, gomar segalo nan elok-elok didongar haaa ... nak konokan kawan sobolah pun pakai bahso bungo-bungo, (*****) ...ha .. ha ..Tu nan istimewa kito, orang Nogri Sombilan, tak samo orang lain haaa ... Orang maghin semuo nak belagu, turun sawah, nangkap ikan, banting padi haaa ... (*****) ...sesamo gotong-royong buek kenduri kendara semuo nak sendiri belagu haaa ... Mungkin kek tompek lain pun, mungkin la ado jugak la main-main bahso macam ni, cumo tak distandardkan macam kek Nogri Sombilan, contohlah, kalau Pakcik pernah dongar lagu-lagu rakyat ko, apo-apo ae lah bontuk mentera jampi-jampi tu, kek Pantai Timurlah selalunya kan, bondo-bondo ni muleh buek khayal, jadi tak boto, duduk tak diam, macam-macam lah. Tu biaso, tompek kito ado yo haaa ... ni kato adat dalam kato adat ni ado segalo ae ... susun atoran hidup orang maghin, boleh buek contoh hidup haaa ...orang mudo macam anak-anak ni ikut. Atoran diam mo jiran sobolah, mo orang kampung, sumuolah haaa ... budayo kito, ekonomi, longkap haaa ... Waa .. elok lah. Kito nan makei, kiñolah nan paham ae ...

(***** melagukan dengan dialek yang kurang jelas)

3) Cerita Rakyat (Hjh Iyam Radin)

Cito Mak Lang kau maghin (kelmarin atau dahulu kala). Tipu dia, tipulah den. Cito ikan. Bosa kocik? Dongar la ... Oraiit...ikan apo? Ikan-ikan kek tompek masing-masinglah. Ikan duyung, tak pun ikan dugong...ikan air tawar? Yolah. Apo nan bangang na ni!...Ikan dalam sawah kek jajahan suku masing-masing. Yolah ikan air tawa. Mano suku ontah. Ontah manjang. Mak Lang tak ngatoka? Deyan (den atau saya) nan tak ingat. Hah! Apo ae... sobonar ae... cito air. Apo ni cik, kojap ikan kojap air. Supolah ikan idup dalam air... ha..ha...Ni nak cito ko nak konokan den?...Kau sensitip bona. Maghiin ... sesamo tak do air, bukan tak do langsung la, kurang la..sanun..orang Pilah ngatoka tompek esei banyak na ikan. Maghin ado sawah kek Pilah???...Jam (sekarang) dah koghing, tak do besawah lae. Yolah, pokan ae .. macam pokan koboi, jam ni poei (pergi) dah ado *Kentucky*! Sambung, sambung. Sanun banyak ikanlah. Nak naghek (mengambil) air kek sawah nun, dapek ikan. Banyak na ikan, kuak air nampak ikan, kuak air nampak ikan, kuak air nampak ikan. Banyak ae...Jawab dek orang Rembau pulak, tompek den lae banyak ikan. Cam mano banyak ae? Kuak ikan baru nampak air! ha...ha.. tapi kan..den dah dongar dah cito ni!...sapo nan citoka? Cik lah. Yolah...lupa ae...

4) Budaya Benda (Hj Hamzah Katik)

Lang, apolah nan sodap ae..main gabano nih! Apo lak? Tak aeh, ni bunyi ae ...macam apo yo..toun...toun..tak merdu dan sesodap kompang! Aeh .. kau apo tau ..Sobab den tak tau la den kutuk nih! Den lomah boto la dongar bunyi gabano kek tompek kenduri, kalau kompang sodap sikit, belaguuu...yo. ni nan lotih sekalian telingo kalau gabano bebunyi malam-malam, macam panggil polong! Memang tak sodap, sesapo nan paham yo, goma gabano. Iyolah, den tak goma cam mano lak den nak cakap sodap. La hai..nan sodap kek belagu ae.. Lagu tu biasolah. Selawat, puji-puji namo Tuhan, belagu buai budak...kau apo nan tau ae.. orang mudo tau betandak (menari) yo...Tapi kan Lang, kalau kito ni orang Rombau tak muleh kutuk-kutuk gabano ni, dio punyo tompek asal ae ...sini. tau pulak kau. Tau tu sobab ado dio orang lotakkan *cement-ferro* gabano kek pokan Rombau. Dari Senawang kek Sungai Gadut pun ado sebiji lae, identitilah tu. Iyolah, tompek lain tak do. Kau poei lah Kelompo, Kelantan, Johor .. sumo pakai kompang. Tak do pakai gabano. Alah Lang oi, kek sanun mungkin pakai bondo lain pulak nan kito tak tau, tak pernah tengok. Lang tau nobat? Aa..aa.. diam, tu tak tau tu! ego tak nak ngaku! Tau. Kalau tau kek mano orang main nobat..haa..jawab la... Aa..maleh, kek Kodahlah!..gamak ae.. main nobat maso nak betandang rajo-rajo, ni gabano maso kenduri yo? Ae..lantik Undang, majlis-majlis lain, kawin, cukor, sambut-sambut orang bosa .. apo-apolah ..pakai gabano. Itu hari kenduri kek Bahau, ada main pusing-pusing piring pakai lilin. Tarian piring. Ado yo main gabano, tapi kojap yo, masa intro, lopaih tu main kompanglah, lama main kompang. Tak eh, dia belawan mo pengantin tino, sanun main kompang, kito main gabano. Tapi kan, yang main gabano, tuo-tuo lako. Yang main tarian piring pun orang tuo yo, lelaki. Hah! Orang mudo ni malaih. Sobonar ae.. tak pandai belagu. Malu satu hal. Main-main ni mesti orang lelaki? Tak eh, orang tino manolah kuek begondang. Tapi orang tino bezanji, tak kicklah, suara tak power, tak lantang macam orang lelaki. Sapo-sapo pun muleh. Gabano ni buek dari kulit kobau? Susah tak buek ae? Kulit lembu, belulang, disalai, siek, bakor, kikihlah, macam-macam peringkat. Kobau banyak, tak pakai kulit kobau? Lain bunyi ae...Agak ae .. bunyi macam drum ko, sapo nan tau kan? Ha .. ha..Tu Udin anak Kak Embong kilir buek gabano lae? Tak lae.. dah kojo kilang Nestle. Lah, sapo lak nan amik alih dia? Tak do lah, bolilah, ado jual kek Melako. Tak do langsung Udin tu buekkan? Rugi la kalau dia tak teruskan bakat dia, bukan senang nak dapat ilmu cam tu.

5) Adat Perpatih (Sjn (B) Ahmad Awang)

Seeloknya kita yang memperingatkan sesama sendiri, semua golongan, tua muda kaya raya sebolehnya patut rasa ada tanggungjawab sebab ini budaya kita, siapa lagi yang nak menanggungnya, kita orang Melayu memang terikat dengan tradisi dan budaya tak kira dalam apa pun kerja yang diongkih (dibuat/dikerjakan), makan-minum pun ada budayanya. Berkembangnya psikologi pun asalnya dari pencapaian budaya juga. Tanpa budaya tenggelam bumi bukan setakat tak ada ekonomi saja. Kerja cikgu ke atau sesiapa saja yang banyak masa berhubung dengan anak-anak muda, memang wajarlah untuk capai tanggungjawab dan pikul tugas ni. Bukan nak letak sepenuhnya tugas pada cikgu, tapi kita ambil jalan mudalah, siapa paling dekat

dengan budak-budak muda kalau tak dari sekolahnya lagi. Lagi pun cikgulah yang sarat dengan ilmu. Caranya kenalah kita mulakan, melagukan selalu, jangan segan, seperti mencelahkan ketika perhimpunan pagi di sekolah selepas nyanyian wajib. Budak-budak tengok kita buat, InsyaAllah dia tiru, buat apa pun dia suka tiru, guru buat yang elok, dia ikut yang elok. Cikgu tak paham pantun, memang patut budak-budak tu kecilkan *standard* cikgu. Cakap depan perhimpunan mingguan, tak apa kalau sekojap, seminit dua pun dah cukup. Cikgu baca pantun empat kerat guna loghat Minang, budak-budak tekojut, diam punya. Sebabnya, cikgu dia ada bakat. Tu kena tunjuk, jangan segan. Biar budak-budak kita dapat dengar, supaya dia tahu ini budaya asal emak bapak dia orang. Orang Melayu. Ataupun kita buatlah pendekatan lain yang mereka suka seperti lawan kuiz, bagilah coklat ke, gula-gula ke, tu budak-budak lagi suka. Buat tazkirah untuk kenalkan adat ini. Pendek pun cukup, budak-budak senang ingat sebab yang pendek tu yang hubungkan yang panjang, akhirnya jadi pengalamanlah pada budak-budak muda. Kita dulu pun macam tu jugalah, cikgu pondok selalu bezanji, sambil tu selit jugaklah cerita-cerita orang Melayu jadi askar, menentang penjajah. Kita naik semangat, ni semua tentatifnya nak tanam semangat jati diri orang muda, biar rasa bangga dengan bangsa sendiri. Cintakan budaya sendiri. Usahalah, jangan cari alasan budak-budak ni tak minat. Kita mula dulu. Cuba cari jalan kalau sehari hilang sehari dicari, kata orang sakit diubat, luka ditasak, lama-lama eloklah tu. Budak-budak ni pun samalah, selalu kita dedahkan pada dia, InsyaAllah, jadi biasalah pada mereka.

6) Generasi Muda dan Adat Perpatih I (Nurshafika Shafa'ainaa Safarudin)

Selalu balik kampung nenek? Kadang-kadang sebulan sekali, kadang-kadang dua tiga bulan baru balik. Apasal tak kerap balik? Ayah kerja. Hari Sabtu cuti ajelah dapat balik. Nenek ada komen? Tak tau. Kalau balik kampung ada pegi jalan-jalan rumah sedara lain tak? Tak. Apasal? Ayah nak *relax* kat rumah je. Kalau ada kenduri-kenduri, Ayah bawa Ika jalan makan kenduri? Tak. Apasal? Malas. Siapa malas? Hmm ... kitorang jalan PD. Bukankah kalau balik kampung, jalan kat kampung je, balik pun bukan lama, dua hari, kenapa pegi PD pulak? Ayah boring kat kampung. Pernah ikut nenek pegi kenduri kahwin? Pernah. OK, kat tempat kenduri, apa yang Ika selalu nampak? Nampak? Nampak apa? Ye lah, contohnya nampak orang yang macam-macam ragamlah, cuba kasi contoh apa yang Ika nampak atau perasan apa yang diaorang buat, sebab bila kenduri, setiap orang ada tugasnya kecuali tetamu. Orang angkat nasi, lauk. Betul tu, agaknya orang tua ke orang muda? Campur, orang tua ada, orang muda pun ada. Kat bahagian mana kat tempat kenduri tu paling suka sekali? Masa bersanding. Ada nampak lain-lain? Orang bersilat ke apa ke? Ada besilat, ada menari. Siapa menari? Itu hari ada atuk tu menari depan pengantin. Atuk tu sorang? Mula-mula dia sorang, lepas tu dua orang. Menari macam mana? Menari sambil pegang piring (tarian piring). Agaknya kenapa atuk tu yang menari, bukan orang muda-muda? Tak tau. Cuba Ika fikir, kenapa 'atuk' tu yang menari. Hmm ... sebab dia pandai. Habis orang muda tak pandai? Tak. Agaknya kenapa orang muda tak pandai? Hmm ... ? Ika suka menari? Suka. Menari macam 'atuk' tu suka? Tak. Apasal? Tak *best*. Apa yang tak *best*? Susah, nanti piring jatuh, pecah.

7) Budaya Perlakuan (Norhayati Alias dan Siti Hawa Zulkifli)

...Tuh.. tuh .. polik bonar ghoman ae .. abondo tuh? Apo ae .. nampak semacaaam yo? Tak poning kepala agak eh? Dah biaso, cari makan ... heh .. heh ...sikit-sikit macam kudo keping, tapi tak do lak kudo, macam tiang bosi, menari kogheh semacam. Tie, kau tanyolah orang sebolah tu, abondo nih? Maleh! ... randai. Orang tu macam tau bonar. Sapo nan ngajor buek ni hah? Tak kreatif langsung. Balik-balik pusing tompek situ gak. Tompek kocik agak ae.. tak do idea. Tak, memang cam tu, kau ontok-ontok la, malu orang, tengok yo lah. Tak boghek tanggung bondo atas kepala tuh? Dah biaso kojo .. buek yolah. Betanduk-tanduk kain merah beloseng cam tu tinggi boto lah. Lantak dia orang la. Kau diam. Apasal dia orang pakai seghoman baju kurung Johor lak? Ntah. Melalak semacam lak tuh! Tongah nyanyi ponoh perasaan, huh!. Kau dongar boto, cam pantun, tu tukang nyahut, kau paham? Ntah, laju bonar, bahso Minang lak tuh!

8) Rembau (Cikgu Mohd Isa bin Noh)

... ni Cikgu agak betul ke penduduk Rembau ni campur-campur Jawa ada, Jakun ada, Minang pun ada... Semua fakta sejarah tu ada betulnya, awal abad 16 lagi orang Minang datang Rembau berdagang dan buka kawasan sekali. Sebelum datang Minang, dah wujud orang bukit (puak asli). Dalam tulisan-tulisan lama kajian Winstedt, Newbold dikatakan orang bukit ni serupa Sakai, Jakun. Dalam beberapa tulisan yang dikutip, dikias orang bukit ni umpama 'gagak senoi'... gagak hitam gagak senoi, turun bukit kaki ompek, bangau putih, pendatang Minang ni, bangau putih dari laut, bekopak besayap... Sorang pemimpin Minang kawin sama orang bukit nih? Tu yang mula keturunan. Mana tempat mula pedagang Minang ni mendarat? Rembaulah. Bukankah dalam beberapa catitan sejarah, ada cerita Hayam Wuruk dulu sampai? Masa tu belum jelas lagi kedudukan Rembau, mungkin dah diketemu (temui) tempat ni, tapi belum maktub lagi. Dalam sejarah *Nagarakartagama* pun tak dijelaskan kewujudan Rembau. Rembau ni masuk dalam jajahan Melaka sebab peluasan kuasa Melaka sampai Negeri Sembilan. Dulu Kelang masuk Negeri Sembilan? Ya, ada peta dia, dalam *Sejarah Melayu* tak disebut jelas keadaan Rembau tapi ada nama-nama daerah disebutkan, memang wujud pun sekarang. Contohnya? Kundor. Bukankah Kundor tu nama pulau kat Sumatera nun? Orang Minang datang, dia letak nama tempat sempena tempat asal dia ketika buka tanah kat sini. Sebab tu ada sikit sama nama-nama tempat di Sumatera, pulau-pulau dia dengan tempat kita.

... adat dia (Minangkabau) dengan kita (penduduk Rembau) lebih kurang sama dengan dia orang (masyarakat Minangkabau di Tanah Minang, Sumatera), masih mengamalkan adat yang lebih kurang jugak dengan Adat Perpatih. Beza yang ketara cuma di Minang, tak de Undang. Ikut Wilkinson dalam abad ke 18 gitu, kat Sungai Ujung paling subur sekali Adat Perpatih ni tapi tak semua daerah di Negeri Sembilan ni yang pakai Adat Perpatih ni, sebab Port Dickson guna sistem Temenggung sama macam negeri lain di Semenanjung, pentadbiran tradisional dia lain. Itu dulu, sekarang ni banyak sistem adat yang dah tak digunakan lagi. Kalau ada pun yang diubahsuai ikut modenisasi. Ada beberapa pekara yang tak manis kalau kita

usik, contoh pewarisan harta pusaka, kedudukan pompuanlah tu, peraturan hidup bersuku dan susun galur keluarga atau keturunan seseorang individu.

9) Adat Perpatih di Rembau (Hj Abdullah Sarip bin Ahmad)

Negeri Sembilan ni spesel (*special*), sobab kito pogang Adat Perpatih, kuek segalo sogi, yang ikut, ikutlah, yang tak ikut, pandailah sok (esok). Orang pencen jam ni ingat nak balik tanah adat, nak diam (menetap) sinun. Tu harto-bondo, kuek dek adat kerana tanah. Kawan-kawan sei sumua ingat cam tu, kira dia orang paham lah jugak institusi adat kito nih yang ikut nasab ibu. Katokanlah, kito tak pakai konsep bepihak kepada orang tino nih, agak ae ... tak dolah tanah terbiar kek kampung kito ni, kan? Kau cakap bebaik, kau tengok baruh, tanah gotah maghin, jam ni dah Limah buek kobun sayur. Tompek kering cam tu? Ado paip, pusing-pusing, pakai meta. Kerajaan tolong, rajin, kuek semangat Limah tu, tengok kawan ae ... minam (minum) kopi yo. Tapi kek tompek lain, tengok sei datang tadilah, banyak rumah tak betunggu (berpenguji), rumah godang. Nan elok bokobun, upah sesapolah, ae ... bayar, ikut berapa luas tanah orang kontrak tu naghek (ambil), sikit, sikitlah, banyak, banyaklah. Dapek samo labo, hilang samo rugi, ado sesamolah bagi. Tanah adat nih, kalau dah tak do guno ae .. jual. Untung, nilai tinggi jam (waktu) ni, kalau ikut sangat-sangat adat ni, ketinggalan kito, uwan. Kau cakap tak senegheh (sopan). Anak menantu kito sok, masing-masing dah kawin orang jauh-jauh, tak de menyemende sini. Tu tepulang masing-masinglah!

10) Rembau (Hjh Puasa binti Radin)

...dah macam-macam ado kek Rombau, tak sunyilah kalau anak cucu uwan balik, ye ... agak *boring-boring* sikit pogi mandi kek Air Panas *Wetworld*, *shopping* kek Chembong, tapi Pokan Rombau kan ... totaaaap macam tu, lopaih Maghrib sunyi sopi. Yo la, nan diam sini orang tuo. Heh, selalu saya ko Rombau ramai yo orang mudo, agak ae ...siang kojo, malam tontu dia orang lepak rumah, macam sayalah, tak ke mano malam-malam de...Agak maghin Rombau macam manolah, hah? Maghin tak macam ni, dulu kobun goootah yo. Jalan masuk Sopri ni kocik, golap dek pokok sawit, tapi bas badan merah ado tempuh sini. . Ado bas? Iyo. Jam ni dah tak do, orang dah banyak keto sapu. Sonang naik keto, boli barang, sonang, hantar sampei dopan tanggo rumah. Keto api pun selalu beronti Rombau, jam ni setesen pun tak do lae ... orang tak do naik. Maghin keto api dari Somban, tempuh Rombau, Tampin, Bahau, teros Gomaih. Sampei Gomaih boleh teros Pahang ko Kelantan. Ye la ... apo yang kurang, lain bondo pulak yang ditambah. Dulu, nak masuk Sopri takut orang, jam ni Dr Mahathir (Perdana Menteri Malaysia) pun sonang hati datang Kem Bino, jalan dah elok.

11) Adat Perpatih (Dato' Dr. Ramli Ujang)

... sesapo pun, baik jantan, baik tino, mesti ado tigo sifat, mesti seimbang dalam diri ... beragamo, berado datu ae berilmu pengetahuan, ... ni semua macam pelongkap individu, pemimpin pulak mesti ado tigo. Tigo jugak, ulamak, golongan beradat, satu lae golongan ilmu, intelek. Sumua individu ado cerdik akal masing-masing. Nan cerdik, celik akal ikut lapangan diolah, jadi tompek rujuk, jadi guru, tompek beguru. Tak berakal tonggolam bumi ... lagi tinggi nilai darjat orang tu kalau ilmu yang dipakai tu tinggi. Dalam adat, Orang lelaki atau kawan (suami) dia nanti beringat, tanah pesoko ni hak orang pompuan, tak boleh buek onar. Ado pendapat ngatokan, merantau ni kadang-kadang sobab begaduh sesamo sedaro? Pokoknya punca merantau ni, cari rezeki, tambah harta pesoko ... jangan bawa sobab lain. Kenapolah tanah tak diberi kat lelaki? Pompuan lomah. Ado tompek begantung sok, misal kato kawan dio mati ... sabonar tak do tinggi darjat pompuan tu, sobab adat kito beralah. Lelaki ni serupo 'pipit jantan tak do sarang'... orang lelaki boleh tido surau, topi jalan!

12) Kampung (Hjh Puasa bt Radin)

Esok jadi ko uwan poei Kelompo? Ontah, datang Hamzah, poei, tak datang taklah. < Lon abih lae pekso mato, Teh? > den tak do kau tengokkan ayam daro den ataih kopuk, baru belajar betolo, selalu kacau dek induk putih tu. < Den ado ha ..., ldah, kau tido Podeh? > Iyolah, sonang den tinjau budak. Sini apo salah ae ... takut?. < Den sobolah, atuk kau tak kojo malam > den tinggal sorang tak do bondolah haih, bekunci. Bukan masalah tu, sei nak tengok budak-budak ni, nak buek kojo sei yang kat Bangi, kono hantar tak lamo lae. < kek sanun ado budak macam mano pulak? > Haih, saya selalu bawak, kalau siang budak tido, sei samolah tido, malam karang sei bangun buek kojo menaip dari pukul sobolaih sampei ke pagi tu. Tahan mato kau. < Kau balik sini tak > Balik yo, tinjau ayam. Den lotak jagung kasar mo sodang dalam kui. Banyak tak? Ado dalam limo kilo. < Kau balik, tak soghek bawak anak? > Kadang poei Rombau, sei singgahlah, potang. < Den boleh, takat boghi jagung ayam, tak do soghek > Kalau sei tak balik potang, Chek boghilah. < Iyolah > Pisang kapaih kek baruh kau tobanglah. Huih, banyak, suruh Mat Zinlah naghek, dio nan ramei ramai, sei buek kodok sepiring pun cukup. Chek amiklah separuh. < Heh! tak maun den makan pisang, memulaih yo > Uwan amik bawak poei Kelompo? Tengoklah, kok balik Mat Zin naghek. Iyolah

Rajin boto Ocu Selimah buek kenduri, duit banyak. Tak ae ke situ, niat nak buek, buek lah, kenduri syukur, tak kiro waktu. Bukan apo, Lang, sei kesian tengok orang tuo kito ni asyik nak masak itu, masak ini, buek itu, buek nan ini. Ado cucu cicit dio ramai tolong, apo nak susah. Sikit-sikit pun orang macam uwan samo omak sei ni kono yo tolong, buek pulut, buek rondang, sei kuliah hari Sabtu, tak pek poei, tak pek tolong. Ni kenduri arwah sekali cukur anak Aroih? Iyo. Apasal Ocu Jantan tak moleh (sembelih) kambing tu siap-siap kek Podeh? Sonang sikit tak payah lapah-lapah, ponek uu ...Ontah, dio nak ambik sunat ae ... Sunat apo, nyusahkan orang, nasib baik kambing tu sekor. Tau la Ocu jantan, nak beselimut kambing tu mo kain putih. Ikut Nabi Berahim. Tak pe la, anak menantu ramei.

13) Pedas (Pn Nafizah Wahab)

Balik *picnic*? Aa .. ah, *Wet World. Best* ke *Wet World*, dengar cerita mahal? Aa .. ah, Ye la, bila dah lawa, sewa pun mahal, . keropok-keropok, makan minum, semua kena beli kat dalam punye, panas macam ni, anak aku melantak air mineral 4 botol sorang! kitalah yang kena. Alah, yang ngajar anak betandang situ buat ape?!... Mana tau, tak pelah bukan selalu. Ye la, yang penting budak-budak kita *happy*, duit belakang cerita. Apasal tak pegi PD (Port Dickson)? Jauh la, lagipun tak bersih sangatlah. Saya tak pernah pegi *Wet World* sejak buka. Iye ke? Dulu-dulu balik bujang suka singgah situ, *free*, suka hati berapa jam nak mandi. Ingat tak, dulu naik bas *Southern* merah tu, tak ditulis Rembau ke Pedas ke, dia tulis *Hot Spring*, entah ada orang ingat ke tidak lagi. Mana-mana *driver* lori nak ke Tampin, Melaka, Johor lalu sini selalu lepak sini, banyak pokok, tapi kedai minum satu je, orang Melayu *bussiness*. Tapi kan, dulu tempat mata air ni taklah elok sangat, kita pompuan nak mandi pikir banyak kali, kok ada yang ngintai! Dengar kata lopak air panas tu dah tak de, air banjir naik. Itulah yang rugi banyak, anak-anak aku entah tau ke tidak rupa mata air panas. Tak pe boleh bawa pegi tempat lain yang ada mata air panas. Tak sama tu de ... ni tempat kita. Kalau dulu lagi MDR (Majlis Daerah Rembau) serius, tentu tak jadi *Wet World* macam ni, semak mata mandang. *Sure* kita-kita yang tak puas mandi dulu, duyun-duyun datang balik bawa anak. Hmm ... duit punya pasal la, 'orang tu' (bangsa asing) jugak yang tambah kaya.

14) Kekeluargaan (Hjh Habesah Hj Itam)

... macam mana dia orang muleh tau orang ni suku ni, orang tu suku nan itu? Asal masing-masing, mano carak ae ... tontu carak, tengok porut ae ... dapek taulah mano suku ae ... mana dulu nak tau? Suku kiro dah bosa, pocah-pocah porut, kotuo ae ... Tok Lombago. Berapo keturunan nak ikut satu porut? Ae... maun limo, satu uwan, ni tak do nan anak angkat ... ha ... tak do, limo generasi. Jam ni orang pindah sini, pindah sanun, nun, kek Pokan Rombau, banyak rumah murah, tak diam satu tompek lae ... buek kenduri samo yo, kau nan tak perasan. Den tau, nan paham hamek Dato' Lombagolah, dapek konal anak-anak buah. Agaklah dalam Rombau ni, suku manolah yang banyak, nampak ramai? Tak pek nak kiro banyak ae ... jam ni kawin mo suku pun dah ramai, tengok porut lah pulak, ado nan satu porut ae ... ado nan banyak porut. Dah nikah ado banyak anak, ado sikit. Macam mano sorang tu muleh masuk suku-suku nih? Asal dio, keturunan dio lah. Nan jauh muleh yo, jadi kedim kitolah, amik nan paling dokek, muleh buek sedaro. Banyak dah kawin mo luar suku, kawan ae .. sini, dio orang Kelompo ko, Kolo Lipih ko mano ntah, kiro macam mano lak? Ikut kawan lah, kawan tino ae .. sini, sesamo pulak diam sini, anak dio sok muleh masuk suku ikut omak ae .. jam ni orang kawin mo orang Johor, balik Johor, kawin mo orang Pahang, balik Pahang, tak do ikut hamek lae ...

15) Adat Resam (Hjh Selimah Lebai Sarif)

Lenggang-lenggang porut ni tak buek, salah ko? Taaak. Abih yang heboh asal den ngandung yo, nak kenduri-kenduri, sepuluh den beranak, sepuluh kali nak kenduri, membazir, den gaji kocik! Buek yo lah, sikit-sikit, amik berkat, baco-baco Yasin dah. Maleh! Baco Yasin yo, cukup. Uwan maghin buek yo? Ado. Bosa kenduri ae? Nan sulung ikut adat. Den ingat lah, Ocu Selimah maghin buek yo, golek-golek buah kelapo tu kek porut ae..muleh pitam budak kek dalam? Ha..ha..Golek sikit, melontung nak tau jantan tino. Apo lah nan susah, buek kek spital pakai *scanner*, dah tau jantan tino, siap duit yo. Uwan ingat maso lenggang porut maghin? Agak bilo jangko nak di buek tu? Dah tau tino tu bunting sulung, biaso ae..tujuh bulan bunting, buek lah hari turun bulan tu. Camano kiro? Akhir bulan duo puloh ko, tigo puloh ko. Ha .. totap hari tu uwan kau maghin sekalian bondo di bawak ae.. kain putih sekabong (anggaran dua setengah ela), bogheh segantang, minyak kelapo seboto, kelapo duo buah (dua biji), ayam sekor, pulut mo kueh sikit. Penganan (dodol)? Kueh chuchur. Apolah nan sodap kueh chuchur? Aih .. kau tak pandai makan, tak pandai masak lae! Lagi bondo lain? Sireh, seratuhi holai. Sireh longkap sekalian gambir, kapur, pinang, tomakau, penghogheh duit ... ompek posen. He .. leh.. Eh! Maghin mewahlah, jam ni duo ringgit. Bondo nan bawak banyak tadi mano lotak ae ..Rumah denlah, rumah nan tino. Kek sanun uwan kau maghin dah siap duo gobuk (buyung / bekas isi air yang biasanya berwarna hitam). Isi air tolak bala, jampilah dulu. Sesapo pun boleh? Elok nan totap hati, kuek agamolah. Itu hari den nampak orang boghang (seberang), siap dikoba (disiatkan atau dikupas kulitnya). Tampuk ae ..ado topung tawa, guno daun sedingin, daun ati-ati, daun apo ntah.. daun sedingin tu camano ghomanya? Jam ni dah tak do. Kono tumbuk tak? Tak aeh ...kain putih tadi bidan buek buai-buai kek porut den, minyak kelapo sapu kek porut. Solosai, den mo ateh kau mandi air tolak bala kek perigi, sorang satu gobuk. Buang apo nan tak elok. Jam ni baco Yasin. Lokek, lokeklah. Kemudian bueklah kenduri limo nam jamba.

16) Warga Emas I (Hjh Puasa Radin)

Banyak keladi uwan, anak mano amik? Rumah Yah Lehot. Jauh sampai Chembong amik? Poei kenduri, nyambil-nyambil amiklah. Sonang idup, nampak gomuk? Bajo 'Kedai 2 Ringgit', idup elok, galak kali (kerap) den naghek (ambik) buek gulai (masak lemak cili api). Minggu lopaih datang Anjo baruh amik sikit nak tanam. Itu hari nampak Mat Zin datang, amik keladi, dia nak tanam? Iyo, dio memang gomar gulai keladi campor siput sedut, Ateh kau gomar batang, Udin gomar ubi. Tak payah ceritolah, den tak gomar keladi dulu, kini, selamo ae ... banyak tanam bungolah uwan, tapi satu pun tak do nan bungo, hah ... hah ... Aaaii ... den tanam bukan nak cantik, nak buek ubat. Ni pokok misai kucing ni den makan ni, makan daun ae ... kau rasolah. Hmm... heh! Pait (pahit) nak mampuih, apolah konokan orang. Den ingat kau dah tau, ni elok ni, pait-pait ni. Ui, nyamuk tak gigit nih, darah jadi pait. Ubek darah tinggi ni. Makan daun misai kucing, mau pait, makan apo pun pait tak hilang, macam makan sulor lombo, maniiih ...yo. Esok uwan Esah kenduri cukur rambut cicit ae? ni .. hah .. tadi potang lopaih ghobaih (gerimis) ado cucu Esah anak Aton

agak ae ... datang mintak pandan, nak buek bungo rampai agak ae ... lyolah,... budak-budak tu tak pandai naghek (ambil) pandan agak ae ... besepah balik kui (tempat menyimpan padi, lebih kecil sedikit daripada kepuk atau jelapang). Iyo, den nampak, budak-budak disunat ae ... Sunat? Hah? Sunat pandan. Pandan pun kono sunat? Tak ae ... dicabut ae dari akar, keluar sumuo, jonih tak pandai nagheklah, dicabut sumuo-sumuo. Boleh mati? Biar mati, pandan besepah, tak betanam, tumbuh yo. Dulu uwan ado tanam sawi? Ado, tak lamo idup. Makan ulek? Makan ayam. Heh, ayam jam ni gomar sayur? Haih, macam orang la, sumuo makan.

17) Warga Emas II (Hjh Selimah Lebai Sarif)

...kira-kira uwan ni saing omak sei, dalam 76 tahunlah, tahun 27. Tinggal soranglah, yo uwan! Sorang la. Anak menantu selalu balik hujung minggu? Tengoklah, ado nan hujung bulan balik, gilir-gilirlah. Berapa sumua? Limo. Menantu orang sini? Menantu Senaling sorang, sorang Perak, ...Parit Buntar, sorang Beranang, sorang Bahau, nan kocik orang Kelompo, .. Kampung Medan. Taklah jauh sorang tulah orang Perak, uwan dah jalan sanun? Haii.. tak dayo lae .. Naik kereta bukan jalan kaki. Tak koso duduk dalam berojam, mudo maghin yo, mano ajak pogi. Uwan saing omak kau, selalulah jalan-jalan sampai Singapuro, ikut rombongan (rombongan) pogi Siam. Huh! Omak sei ado cito tuh, gomar tengok wayang, kan uwan? He..he.. Siang-siang apo buek, uwan? Macam-macam lah, mengomehlah, tinjau ayam, apo-apo nan teragaklah. Banyak ayam? Ado sikit, anak cucu balik nak makan, semoleh, lobih bapak, jual mo Anak Cina Awi Podeh. Sekali jual berapa ekor? Ado dalam limo nam ekor, kadang sepuluh ekor, ikut matanglah. Kasi minum apo ni, semacaaaaam yo? Ni sirap ayam la, ayam pun nak ghono (warna) jugak. Makan jagung yo? Makan jagung la, maghin ado padi. Ni, sekilo berapa? Ontah, den boli limo kilo, nam ringgit setengah. Bori nan sodang, nan kasar, anak bori nan haluih. Tak molo ayam seghamo? Apolah molo ayam katik tu, tak dapek makan, buek betanding yo. Heh, orang makan burung puyuh, lae kocik, ayam katik nih tolo pun banyak. Tak onak, banyak ragam, nak bekipaih, tak muleh panas sikit, tak kosolah. Anak Jani molo ayam katik, siap beselimut, tak muleh kono angin malam, domam ayam! Ayam kampong sonang. Tak do musuh? Ado yo, musang, bewak, anjing, ularHeh, mano mari ular? Somak kek baruh, itu den molo belakang, selalu den komaih (menyapu). Biaso ular apo? Ular sawo pun ado yo. Hah? Ular sawo?.... omak ai, sini pun ado ular sawo? Iyo, maghin ado Hamzah tembak, makan ayam. Anjing mano mari pulak? Rakyat (orang asli) punyo. Seronok la molo ayam, dapek hilang boring ye, uwan? Haaiii ... dulu orang tak molo ayam, bodoh nama ae .. tak dapek boghi anak menantu makan. Aih, bolilah. Boli lain, anak cucu balik mau potong ayam, tak potong, kodokut nama ae ... lyolah ayam kampung sodap, buek rondang. Ni boto cito orang dulu, kalau hutang darah dibayar ayam? Iyo, misal kato anak kau baih (baling), tak kiro la, baih mo kayu, batu, kono anak orang, bedarah, kau kono buek kenduri moleh ayam, banyak mano darah budak tu keluar. Maghin ado sawah, banyak air, den molo itik. Banyak tolo, memutih. Itik jawo? Itik jawolah, itik nan bosa, itik nilo, tak lopaih molo do, gomar terobang! Niii ... apasal kurung bapak putih nih? Ado orang daghek mintak boli, nak ubek mato kawan ae. Ubek sakit apo? Sakit mato. Macam mano dio buek pakai ayam bapak? Amik bulu diusap kek mato, macam ni, ni, hah ...Sapo pandai ubek? Orang nak masuk jalan Kundor tu ado. Apo susah, pogi *operate* kek

spital, sonang. Kita usaha la dulu, elok, eloklah. Uwan Kelesom buek ragi, jual, uwan tak buek? Hei... tak koso numbuk, goyah lutut.

18) Warga Emas III (Hjh Kalsom Uda)

Tak ponek numbuk ni, sampai 4, 5 jam nih? Apo nak buekkan, orang posan. Sapo naghik nih? Cino Somban, Cino buek air tuak, campo ragi, lamo tahan ae ... Buek tapai, makan biaso-biaso ni tak boleh ko? Eh, muleh. Omak kau naghik sini. Uwan sorang numbuk nih? Ado atuk kau nolong, kalau tak kojo. Eh, atuk Atan kojo lae, sei dongar dah begonti? Kojo, tak, apo nak bayar Sepol sekolah. Kojo *guard* gak lae? Iyo. Omak sei maghin buek yo ragi nih. Iyo, Supek boghang pun buek yo, cino banyak nan onak. Den tak begonti buek, atuk kau tak do pencen. Jam ni sonang, sapo kojo kerajaan, dapeklah pencen, bonuih pun dapek, sok sonanglah kau. Ontah tahun-tahun dopan belanjo sekolah tinggi, bogheh sepuluh ringgit sekilo, gulo, kopi macam timah ladung, bonuih duo tigo bulan pun bolum tontu cukup. Ni, uwan buek ragi ni ado makai ilmu-ilmu apo, mano la tau kan, kok buek ragi jadi masam ko, pahit ko ... Ado la, omak den maghin nan ngajar. Mulo maghin den buek tak yo jadik, jam ni dah lancar, paham den. Tak boto buek, tak jadik. Kau nak belajar? Eh, tak onaklah, banyak bondo sei muleh buek uwan oi ...kayu manih ni mano boli ni? Boli Tampin. Sumuo topung bogheh? Heh, topung ubi, cino Hin Ah bawak naik moto. Banyak kilo ni, sebuntei penuh. Abih buek? Abih. Lopaih ni uli-uli macam buek karipap, bulat-bulatkan, Supek buek laju, pukul duo tigo pagi abih, den buek palahan, tengok TV kojap, sambung balik, siap mau pukul ompek limo pagi. Uih, tahan boto uwan. Apo nak buekkan, caghi duit, macam-macam nak bayar. Ni ..*part* manolah paling soghek sekali? Nan mano? Kat manolah paling soghek, numbuk nyo ko, nak jomur ko ... Sumuo soghek, numbuk batang kayu manih, nak numbuk topung ni, sakit lutut den. Waa ... malam-malam teraso donyuuuut, lengoh lutut, atuk kau tak hingin nak ngurut. Tahan pulak malam tadi muleh uwan semayang sunat Sejadah. Aaii .. nan wajib buek.

19) Cerita Rakyat (Hj Hamzah Katik)

Satu hari tu kek tompek kenduri nih. Cito orang jantan. Tak do lain la nih!.. bilo maso cito ni, Lang? Agak ae.. solosai bertateng. Handal na lah tu, bertateng pun sompek lae..cito pasal orang tino, ek? Tak eh, bondo orang tino. Ha..ha..Den dah agak dah. Lang, kalau 'bondo' tu mintak *cover-cover* sikit, den nak buek *assignment*, nih.ha.yolah. OK *standby*. Ni cito dulu-dulu, cito dek orang jantanlah. Ni, cito nih Lang bantai ko? Tak eh, ni maghin orang Pilah mo orang Rombau tak suai hamek. Dia orang begasak manjang ? Tak eh, beradu cakap la..sapo nan cakap bosa, dia handal la. Sampeikan bondo sulit-sulit pun dihebohnya. Ah! Orang jantan memang gomar cito nan sulit, nak pulak nan melokek kek badan orang tino..Ni cito ni.. orang Pilah ngatokan, kawan (isteri) den tetek (buah dada) bosa nak mampuih. Kan..kan..den tau dah cito orang tino. Abih tu, orang Rombau cakap apo? Ha...ha..orang Rombau tanyo lae, macam mano bosa ae? Jawab dek orang Pilah ni, bosa macam buah kelapo. Ha..ha..Kelapo mudo ko tuo? Kelapo nan bosalah, kelapo tuo apo guno ae.. dah lisut!. Ha..ha..apo jawab dek orang Rombau? Orang Rombau

cakap tetek kawan den lae bosa. Uuu... macam mano bosa? Bosa buah manggih! Eleh..buah manggih (manggis) kocik aeh .Sonyum dek orang Pilah. Tak aeh .. puting ae.. bosa buah manggih!..Ha..ha.. abih orang Pilah tu cakap apo lak? Sonyaplah, langsung tak jadi bebesan mo orang Rombau..

20) Asal-usul Rembau (Pn Nafizah Wahab)

... nama-nama tempat di sini (Rembau) ada persamaannya pulak dengan di Minangkabau tapi kalau suku-suku tak de le pulak. Wujud ke tidak? Tak dapat dipastikan, mungkin ikut sejarah dulu orang Minangkabau sendiri pun memang ada susun lapis sukunya. Dia orang mula sistem suku-suku di sini, ditaruknye nama tempat asal dia orang. Tu lah agaknya ada nama pelik-pelik kat sini!...kalau baca *Malay Annals* Biduanda tu maksudnya orang baik-baik ... ada *statement* Winstedt suku Biduanda ni keturunan pembesar yang ditugaskan untuk memerintah negeri-negeri kecil jajahan takluk. Kiranya Biduanda ni suku yang dominanlah ... dalam banyak hal Biduanda diberi *priority* ... di Jolobu pun suku ni saja yang layak pegang jawatan tinggi. Kalau hal tanah, dia akan dapat lebih pampasan. Mas kawin pun tinggi sikit dari anak dara lain! Orang lama kat Rembau masih pegang jugak adat tu. Ada bezanya tak kalau hidup bermasyarakat ni?... dulu ye, kalau buat rumah tu, orang dari suku lain tak boleh ikut *design* orang Biduanda punya rumah.

21) Perkahwinan (Hjh Iyam Radin)

... kawin mo satu suku tak elok na. Kalau dah bekonan? Maghin, jam ni tak do lae. Nikah yo mo suku lain. Labu ka Kundor, Kundor ka Labu. Kau orang Dondo nikah mo Tanah Datar, sok kawan (suami atau isteri) diam tompek kau lah, tanggung kau sinun. Kalau dia tak nak? Kalau tak nak apo sekalian bondo ae.. dapek dek kau lah, rumah, tanah ... Esei mati sok sapo lak nan dapek bondo pesoko ni? Anak kau nan tino lah, waris pesoko. Ni, tak beranak tino, cam mano lak? Boghi lah, jam ni baik jantan baik tino, anak kito yo. Kira untung jadi tino ni, banyak pekda nan dapek dek dio, patutlah Che' Diah begolang berantai sampai siku, rupo ae .. kawan dia punyo. Kalau si tino ni tetibo yo tak hingin kek laki tu, ni dah siap nak kenduri nih, macam cito kek TV, jam tu pakai inai, jam tu jugak tak onak. Maghin tak do cam tu la, haeh. Orang menyalang tanah berani, berani surut, berani lalu, berani copek, lambek, berani berolek (membuat majlis keramaian) atau tak berolek. Kalau laki ae.. nan tak boto, lonco (terpulang pada pihak lain). kalau nan tino tak boto ae..begandolah. Omak ai.. tompek lain kalau pengantin pompuan tak onak, bayor duo tigo ko. Tapi kan uwan, ikut cara Islam, kawin dengan sesapo nan kito bekonan, jodoh di tangan Tuhan, memang ado Islam galakkan orang kito caghi jodoh orang jauh-jauh, kawin sepupu yo macam tak do manusio lain kek dunio nih. Yang saya polik bona nih, adat lebih *power*, sampei nak jatuh hukum kalau nikah samo suku. Hai ..yo lah, maghin jatuh hukum diam jauh-jauh. Buang nogorilah, buang daerah lah. Hah, tu lah, boleh tanggung malu pulak *family* pengantin-pengantin tu, hukum buang daerah tu, orang yang jahat yo, dah kono, salah tak banyak,... 'dirikan masjid'. Maghin lah, jam ni tak do lae ...

22) Harta Pusaka (Muhamad Kasan Sudin)

Harto dan pesoko di Rombau ado duo jonih, petamo, harto pesoko termasuk harto pesoko bonar dan pesoko sendiri, yaani tanah dipunyai turun-temurun sebagai bahagian porut dalam satu suku, segalo jonih harto bondo nan diwarisi oleh anak-anak daripado ibubapak. Nan keduo harto carian, duo jonihnya, yaani harto carian laki bini dalam maso kawin, nan keduo harto carian bujang. Duo jonih harto ni lain caro nak diwarih. Macam mana pulak dengan pembahagian harta ni mengikut Adat Perpatih terutama hal nan bekaitan tanah-tanah, sebab ni semua orang tau waris hak memang untuk orang pompuan? Tanah ni bosa kocik sumuo warih dalam sesamo suku tu, layak dapek, tak mesti anak pompuan. Ikut adat kito, yo utamo anak nan pompuanlah. Tapi dio boleh pindah hak kek orang bawah dio pulak yang layaklah, gonggam nan beruntuk. Apa pendapat Pokcek tentang pandangan orang luar yang pandang serong pada soal pembahagian ni, sesetengah pendapat mengatakan cara di sini bertentangan dengan Islam, pendapat pokcek pulak macam mana? Nan becakap tu boleh jadi orang kito, boleh jadi orang luar nan tak paham. Dulu mungkin ado nan bejalan luar negori kito, memang ado nan tak besapo mo orang laki-laki negori Sembilan ni, orang laki-laki dulu rendah maruah, contoh misalan katolah, kawan dia mati, yang laki-laki ni terpaksa balik ke rumah dia maghin. Teraso dek kawannya tu, jam ni tak do lae ... dah moden orang tak heboh.

Yang elok sangat saya tengok orang kito, dia pegang adat, hidup masyarakat tu, dia orang jalin dari kocik, contohlah dalam kematian, yang kocik-kocik pun dibawak balik tengok uwan, nyang meninggal. Biar konal muka uwan-uwan, atuk-atuk walau pun tak besamo lagi. Dalam hal waris-waris tanah pusaka pun, budak-budak kocik pun diambik kira, dulu saya tau bila dah tuo-tuo macam omak-omak kito yo yang dapek ni. Dalam pada bondo pun orang kito jonih bepakat. Nak runding turun harta pusaka ni, sanggup anak menantu yang jauh-jauh balik ambik cuti, semata-mata nak bepakat, mesyuarat, kemudian pogi Pejabat Tanah besamo. Sikit-banyak tanah, bahagi sama rata, sonang, adik-beradik masing-masing ada, sonang bincang. Saya nampak dalam *family* saya sendiri, kalau sorang tak *join*, teraso bonar omak saya tuh. Nak bepagar tanah gotah kilir pun boleh balik *meeting* kami limo beradik, bahagi berapa belanjo samo rata. Sorang pun tak kocik hati kalau omak jadi pengerusi *meeting*! Eloklah, buruk bonar dongar orang Melayu gaduh-gaduh pasal tanah, adik-beradik duduk baik-baik, lanjut usia omak kito. Iyolah. Betul la, pakai konsep adat Perpatih, bermuafakat lah, itulah, inilah, orang kita masih ikut, baik tuo baik mudo, yang mudo tak paham, diajar dek orang tuo. Nampak tu, ketara kalau kenduri macam nilah.

Kalau sok uwan ninggal, sei tak mintak la ... ni kito cerito hal tanah uwan lah, kalau uwan dah tak do lah ni, muleh ko uwan bagi *free*, kira sedekahkan kat Aki (cucu informan)? Muleh, apo tak muleh pulak, janji ado persetujuan sesamo sedaro, haih ... apo pulak den nak bori Aki, bukan bosa bonar tanah kilir, kek baruh dah penamo Ateh kau. Ada dalam buku-buku tentang harta pesoko Negeri Sembilan, kito muleh kasi tanah ko harto ko pado orang yang kito sayang, yang jago kito, diam mo kito, kironye tu atas sobab kasih-sayang. Muleh den nak bori, tak muleh heboh. Ooo..

secret la, nanti orang lain tau? Samo sedaro tak po lah. Haih .. budak dah bosa, ado kojo baiklah, duduk unibesiti, kojo elok sok, ntah tak onak balik kilir ...

23) Pantang Larang I (Hjh Puasa Radin)

Anak kocik kau domam? Aa...ah. kuek panaih? Taklah, budak nak bosa, domam la. Semalam kau ke Bangi? Aa...ah, apasal nih, macam mato-mato lak, macam-macam soal lak? Idaaak, kau balik jalan jauh diam kek bawah dulu, jangan tinjau-tinjau, pogang-pogang anak kau, budak kocik ni dio ikut apo nan kau 'bawak'. Tak aih, takkan ado macam tu, jam ni dah moden, hantu polong sumuo tak do. Mano tau kan, kau jalan-jalan ado nan 'nyapo', kau mano tau, budak kocik nampak. Ni kau ikut jalan *highway* kau tempuh kubo cino bosa kek lopaih Somban. Aa..Nilai? Iyolah agak ae, kubo cino bosa, cino kekayo. Ado ... selalu beronti minum. Anak kau 'nampak'. Abih, sumuo yang beronti minum situ, agak ae balik rumah sumuo bawak hantu baliklah? Ha..ha.. den tak cayo. Kau sok-sok balik, lalu jalan baruh, jangan nyapo-nyapo anak kau, mandi dulu, bersih badan, baru pogang. Budak kalau nak domam, domamlah, memang dio nak bekembang, kalau domam adolah yang pandai tu, nak menghangai (menyelongkar) tu. sekarang dio dah pandai duduk timun (duduk mengiring). Kau ni, budak kocik bosa Adam tu boleh 'nampak' angin. Aa..nampak angin? Iyo, angin keliling kito ni, budak nampak, kito orang tuo tak. Dio baru 'keluar' nampak apo ataih kepala omak ae ...betanduk. Ish, tak logiklah haih. Iyo, budak sumuo ae dio 'nampak'. Mentang-mentang la budak tu kocik, tak muleh cakap-cakap, komen-komen, ...

24) Pantang Larang II (Hjh Ambam)

Kau apo buek? Potik bungo kenango ni, hah, lotak dalam keto, wangi bau, tak payah beli *perfume*. Maghin banyak, den dah buang. Apasal buang? Lindung rumah Ateh kau, tak nampak jalan kilir. Tak nampak jalan, molo somak ni hah, ni hah .. ni .. ni .. boleh pulak? Den tak sompek nobeh (menebas), itu nak buek, ini nak ngongkeh (kerjakan). Kalau tak silap sei, dulu ado nampak bungo rayo kuning sini hah, sinilah. Abih den potong, kenduri Cik Yah nikah orang betateng jighuih sirap lobih sini hah. Boleh mati ko? Tak cantik ghoman ae... haaaiii... dulu bungo cempako pun ado sini aaa .. sini aaa ... belakang tompek kau bediri. Bungo cempako? Macam mano ghoman ae? Cantik, kuning-kuning sikit, kuek bau ae. Mano poei? Den buang. Buang, buang, buang, ... apasal? Orang tuo-tuo maghin cakap tak elok tanam bungo cempako, tak lokek dek kau. Apo nan tak elok ae? Tak diam (tinggal menetap) la, tak do orang balik rumah ni, tak betunggu (berpenguji) sok, macam den mo Ateh kau, tinggal sorang-sorang kek kampung, anak-anak tak diam sini. Ado ke situ pulak, nak salahkan bungo, udah beranak anak jantan. Iyo, orang tuo-tuo, omak den cakaplah. Rugi anak-anak sei tak dapek tengok bungo cempako... Kau apo potik tu? Cili burung, mintak sikitlah, nak buek sambal gelesak (sambal belacan). Dalam poti (peti ais) banyak, den naghek semalam. Kau amik dalam poti, boghi Ocu Selimah sekali. Haih, apo pulak cili masuk poket? Apa hal lak? Tak boleh, kocut cili tu sok. Kocut? Iyo. Eh, memang kocutlah, kalau tak berambik, lupo lotak dalam poket. Tidaaak, cili kek pokok den ni kocut-kocut idup ae ... macam putik (kemaluan) budak. Heh, dia

nak kocut tak disobakkan itulah, ulek banyak. Ni ghaning nan ini, banyak kuyo (ulat halus berwarna putih).

25) Undang (Hjh Naemah)

Ngah ingat maso kenduri kawin kek Gadong itu hari, Undang datang dengan kawan ae ... Eh, memang macam tu, mano kenduri adolah Undang datang kalau dijemput. Cukor (kenduri cukur rambut) pun datang kalau Undang lebih maso. Bukan sebarang orang buak kenduri kalau Undang nak datang. Tak eh, Undang ado maso, datanglah. Saya tengok selalu tompek Undang duduk nak makan, siap alas-alas, lapik-lapik, sumuo kuning. Aih, rajo, kuninglah. Selalu kalau Undang datang, pengantin kono besanding jam tu? Tak jugak, kalau tak besanding maso tu, mengadap la Undang. Nilah kan, maso nak hidang nasik-nasik, lauk-lauk tu, ado tatacaronye tak? Macam kenduri rumah saya dulu, kito angkek jamba Tok Dagang, mula-mula nasik, lauk-lauk, air, *last* sekali air basuh tangan, tutup tudung saji pulak guno kain. Cam tu yo, kalau sesapo datang tontulah nak nyambut, Undang lobih lah soghinya, tu nan elok kain kuning. Banggo Undang datang kenduri rumah kito? Iyolah, rajo.

26) Generasi Muda Adat Perpatih II (Azmir Khalid)

You (Azmir) tau tak *you* suku mana? Suku Biduanda. Macam mana *you* tau? Ada dengar-dengar atuk nenek kat rumah cakap-cakap. Apa yang *you* paham tentang 'suku'. Suku tu macam *group-group* dalam satu-satu masyarakat di satu tempat tu, betul ke cikgu? Bolehlah terima, *you* tau asal-usul suku? Dari Minangkabau kot. OK, cuba namakan kumpulan suku-suku ni selain Biduanda. Seri Lemak, Paya Kumbuh, Tanah ... Tanah Rata. Tanah Datar. Aaa .. ah. Bagus, *you* ingat, lagi ada lagi nih. Anak Melaka, lain tak ingat la cikgu. OK lah, ingat banyak tu pun kira dah *excellent* bagi *student form three* macam *you*, saya tanya Nurul Nadya satu pun dia tak dapat jawab, Iqbaruddin jawab dua, Fatmawati jawab satu.

27) Generasi Muda Adat Perpatih III (Mohd Rizad Md Zain)

... aku bukannya nak cakap tak elok, mak bapak aku orang sini. Tapi kau sendiri tengok je lah, macam muka aku yang ada Sijil Giat Mara ni, takkan aku nak kojokan sawah? Aku tak cakap suruh kojokan sawah, mana ada air kek sawah sekarang. Cara kau cakap aku paham sangat-sangat. Kau samo orang tua aku lebih kurang *** nye! ...La... ikut soalan aku, aku tanya pendapat kau aje, bukan tuding kat kau. Alah, aku ni *examplenye* kan, kan? Aa..yo lah. Berapa Nestle bagi kau sebulan? Cukup la, aku ngan anak bini aku, Kancil sebuah, OK la tu. Tapi semua hutang! Macam kau tak hutang. Kau tak de *plan* nak ke KL ke? Buat masa sekarang tak. Mentua aku suruh jaga rumah dia kat Kundor. Kira kau akan duduk rumah isteri kau, jugaklah? Orang kasi free, duduk la. Kau tau tak, kalau jadi apa-apa, kau kena balik tempat asal kau, tak layak sama sekali duduk Kundor. Alah, *small matter* la, dalam pada tu ntah-ntah aku dah ada banglo kat mana-mana. Untung-untung duduk rumah anak-anak aku yang dah jadi *engineer* ke, *lawyer* ke, rezeki siapa tau.

28) Suku-Suku di Negeri Sembilan (Pn Zarina Taha)

... nama-nama suku yang terdapat di Negeri Sembilan, asalnya bukan nama-nama suku Minangkabau dan dipersoalkan pulak, tak satu pun sama seperti yang terdapat di Sumatera Barat tu? Akak *comment*lah sikit. Ish, akak tak lah pandai sangat. Alah.. *just answer the simple questions*. Sekali tu akak pegi Lake Toba? *Break* sikitlah kat sebelah sanun. Heh! Buat kajian untuk PhD ke? Lebih kurang lah. Wah.. itulah masa jalan-jalan tu tanya-tanya jugaklah sorang dua veteran kat sanun. Nama-nama tempat di sini ada persamaannya pulak dengan di Minangkabau tapi kalau suku-suku ni tak de le pulak. Kira wujud ke tidak? Tak dipastikan, mungkin ikut sejarah dulu orang Minangkabau yang datang ke Negeri Sembilan menyemende dengan orang tempatan, dia bawaklah sekali fahaman, budaya, segala adat dia orang. Tapi ikut paham akak, orang Minangkabau sendiri pun memang ada suku-sukunya jugak. Dia orang mulakan sistem suku-suku ni di sini, ditaruknye nama-nama tempat asal dia orang. Tu lah agaknye boleh ada nama tempat pelik-pelik kat sini. OK, kira boleh pakailah tu! Heh! Kau tengok buku salasilah kat Balai Undang tu kira lengkap jugaklah. Kau buatlah *research*, *deny* balik apa yang orang selalu cakap, Perpatih dari Minangkabau, baru terangkat sikit. Keluar tajuklah!

Akak suku mana? Hoooh! Kita Biduandeee... Apa yang *impressive* sangat tu? Kau kalau baca *Malay Annals*, Biduanda tu maksudnya orang baik-baik. Huuu..perasan kak! Ada *statement* dalam tu? Sahih, kau tak baca!..he..he.. Winstedt cakap suku Biduanda ni keturunan pembesar yang ditugaskan untuk memerintah negeri-negeri kecil jajahan takluk. Kiranya Biduanda ni suku yang dominanlah. Orang Minangkabau yang datang tu rasa diri dia Biduanda, maka dia cakap dia *the onelah*. Dalam banyak hal Biduanda diberi *priority*, sekarang tak de lah. Di Jolobu, suku ni saja yang layak pegang jawatan tinggi. Kalau hal tanah, dia orang akan dapat lebih pampasan. Mas kawin pun tinggi sikit dari anak dara lain! Orang lama kat Rembau masih pegang jugak adat tu. Ada bezanya tak kalau hidup bermasyarakat ni? Beza macam mana? Beza macam pantang-pantang dia, kot melintas depan orang Biduanda kena tunduk-tunduk ke, kena goyang-goyang salam ke, kena apa-apalah... Dulu ye, kalau buat rumah tu, orang dari suku lain tak boleh ikut *design* orang Biduanda punya rumah. Huuu...

Itu hari saya pergi SMK Lui Barat, adalah jumpa sorang cikgu situ, orang Jolobu, lain macam loghatnya, semacam je. Sanun memang *pure* Minang punya, dia punya atuk nenek Minangkabau. Kalau Kampung Gagu, lagi ramai, yang *specialnya* tu ada suku-suku dia pulak. Jambak, Tanjung, Sipisang, Kampai...Orang Beranang pun kuat jugak Minangnya, ya? Kadang-kadang dia orang cakap, semacaaam je, susah nak paham. Dulu akak pegi Medan orang sanun ingat akak pun orang sebelah sanun sebab akak *slang* lebih kurang Indon, Roman (rupa) akak lebih kurang pulak tu! Abih tu, bengang ke? Taklah. Kita kan *generally a happy person, I don't tend to reflect on the negative things*. Manalah tau...

Kira Minang dengan Melayu pun lebih kurang macam serumpun jugaklah, adik-beradik jugaklah. Rupa pun lebih kurang. Kau pegi Medan ke dulu? Tak, tengah 'sarat', tak berani naik *plane*. Iyelah, kalau kau tengok dia orang, lebih kurang kita jugaklah, mungkin loghat je yang nampak beza sikit. Adat dia dengan kita sama tak? Hampir sama, dia orang mengakui masih mengamalkan adat yang lebih kurang jugak dengan adat Perpatih. Ikut Wilkinson dalam abad 18 gitu, kat Sungai Ujung yang subur sekali Adat Perpatih ni. Tak semua daerah di Negeri Sembilan ni pakai Adat Perpatih ni, kan? Iye, sebab Port Dickson guna sistem Temenggung sama macam negeri lain di Semenanjung, pentadbiran dia lain. Orang Minangkabau ni rata-rata dia merantau. Ye la, *I heard that before*. Apasal dia merantau? Ikut sejarahlah, dia orang lari dari huru-hara kat Alam Minang, sampai ke Temasik dia orang buka negeri. Singapura? *Chief* dia masa tu kan Sang Nila Utama. Ini pendapat pengkaji, sebab ada pengkaji lain pulak cakap Sang Nila Utama dari Palembang. Bila agak dia orang sampai Semenanjung? Dalam abad 11 ke 12 gitu. Eeee..kita tak suka la orang luar datang amik tanah kita. *They moved on*. Apa pendapat tentang orang Minang yang datang masa tu? Orang Minang ni kena *respect*, dia oranglah bagi akak *personally*, ... *they work hard and they've got slick! ...untill now* keturunan Minang yang ada pandai *bussiness*, termasuk kerabat Negeri Sembilan.

Ikut beberapa kajian dulu, tanah Minangkabau ada tiga luhak yang utama. Luhak Tanah Datar, Luhak Agam dan Luhak Limo Puloh Koto. Apasal nama dia macam tu? Ikut fizikal geografi? Tak eh, macam Tanah Datar tu taklah bentuk macam dataran, tinggi, bukit-bukau lagi. Di situlah Pagar Ruyung, yang *famous* sangat tu. Masa akak pegi dulu macam mana rupa dia? La..sekarang tinggal batu-batu macam candi Batu Pahat. Iye ke?

Luhak Limo Puloh Kotolah yang dikatakan hampir sangat dengan nama-nama suku di Negeri Sembilan. Lebih kurang enam atau tujuh suku sama dengan tempat kita. Betullah tu, orang Minangkabau yang datang sini taruk nama suku-suku ikut nama tempat dia orang. Contoh dia apa yang sama? Macam Batu Hampar, Paya Kumbuh, Seri Lemak, Mungkal, Tiga Batu pun sama tapi ejaan dia lah lain sikit. Sebutnye lebih kurang je. Jauh tak ke Tanah Minangkabau tu? Taklah ikut sekarang dah elok jalannye. Dulu ye, kampung macam kita jugaklah, ada sawah, permatang, kobau pun sepah! Ingatkan kena panjat gunung macam *explorer* buat masa nak *trace* tamadun Inca kat South America. Eh! Kena je panjat-panjat sikit, kiranye macam tempat pelancongan lah ni, dekat-dekat Banjaran Barisan. Kau *teaching* Geografi takkan tak paham? Tak, kot lain sebab isu sejarah dengan lokasi geografi ni kadangkala tak sinonim. Selalu *contact member* akak kat sanun? Ada jugak, *we're always on the phone talkinglah*. Tempat tu nak di majukan. Dia orang nak buat *skylift* macam kat Gunung Mat Cincang ke? Rasanya buat model Kerajaan Pagar Ruyung, sebab Pagar Ruyung tu kerajaan yang dominan.

Apa yang ada lagi kat Pagar Ruyung masa akak pegi dulu? Kita orang masuk kampung-kampung sekitar tu lah., yang tinggal ketara sebagai bahan sejarah cuma batu bersurat, batu nesan... Ooo..kiranya dia orang semua Muslimlah. Tapi kan kira musykil jugak, ikut sejarah batu bersurat yang dijumpai tu macam nama raja Hindu, tapi dikatakan keturunan Melayu, agaknya dah *mix* Majapahit lah. Bila tahun dia? Ish! Tak ingat sangat, lebih kurang 1300lah. Lama jugak. Orang sanun tak de Jawa

ke? Eh! Dah ramai, macam-macam orang la. Tak le.. raja dia orang dulu-dulu tak de Jawa ke? Ada, keturunan Jawa *mix* Jambilah, dekat. Kita datang Islam bila pulak, sama dengan Melaka ke? Tu, kat Linggi ada batu nesan Sheikh Ahmad, tu lah tanda asal datang Islam ke Negeri Sembilan. Tahun bila tu? Agak lebih 100 tahun. Kat internet ada. ... *don't know a lot about the internet?*..

Oklah, ni akhir sekali nih, adat-adat *tradition* nih, penting ke bagi sesebuah negeri atau negara terutamanya, pandangan akaklah, untuk negara-negara bersaing sekarang ni? Ish.. apa punya soalan. Alah.. pendapatlah. Hmm..bagi akak, adat ni penting, terpulang pada individulah. Tapi dalam banyak hal adat ni boleh menentang atau melambatkan kemajuan masyarakat tu, akak percaya? Ye la, macam orang kita ni asyik ikut cara lama, bila nak *achieve any progress*. Contoh yang akak nampak, orang tua kitalah, hmm... amik contoh *family planning*, orang tua mesti suka *large families*. Tapi *at the same time*, dia orang tak fikir *low health standards, refuse to see doctors*, antara penyebab penyakit. Asyik jumpa bomoh manjang sampai jam ni!.. akak tak nafikan, mak akak pun sama. Tapi janganlah kita terlalu hmm.. *absurd* sangat .. *a way of thinking that rejects anything outside that which is traditional is one of the greatest barriers to progress. See, this is evident when we view the nations of the world today*. Orang Barat cepat maju *soo..advance 'coz they did not tie themselves down with tradition*. Akak tak setuju jugaklah kiranya nih? Tak jugak, tapi tengoklah adat resam *can even change the history of a nation*. Contohnya? Tengok Jepunlah, diaorang *realized the importance of progress and modernization*, tapi masa yang sama *still preserving its culture and tradition*. Alah.. tak payah tengok jauh-jauh, kat Negeri Sembilan pun adat masih berjalan sama *cyber world*.

29) Generasi Muda Adat Perpatih IV (Saida Munira Johari)

Bukan tak pandai nak komen, cikgu, tapi kan takut tak betul, malu saya. Tak mintak pendapat susah-susah, ni nak tau sejauh mana *you* punya *knowledge* tentang Adat Perpatih, cuba cerita apa-apa saja yang *you* ingat tentang adat ni, apa-apa je. Hmm ... yang saya tau sangat-sangat asal dari Minangkabau. OK, kat mana Minangkabau? Alaaa ...cikguuuu. Eh, jawab le, ni soalan Geografi ni. Hmm ...kat ...kat Sumatera. OK lah, cerita sikit apa yang *you* tau tentang Adat Perpatih. Hmm...cikgu, kalau tak betul jangan marah, ye. Eh, apa nak marah, ni saya yang mintak tolong *you*. Hmm ...ada satu yang saya rasa setuju. Apa dia? Diorang punya konsep gotong-royong, kerjasama ...Lainlah, yang itu Haikal dah jawab. Alaa ... cikguuuu, hmm ...yang konsep undang-undang dia, boleh digunakan oleh orang-orang dulu sebagai eerr ... undang-undang dioranglah, betul tak, cikgu? Cerita je lah, saya dengar ni, lagi? Lagiii ...eerr ...saya setuju. Kalau Adat Perpatih ni diwujudkan balik. Kenapa? Kasi *reason?*. Ye la cikgu, sekarang *problem*, polarisasi kaum kat Malaysia, kalau kita amik konsep buat apa-apa bersama-sama, macam gotong-royong, aaa ... sepakat bersamalah, *sure* OK cikgu, mesti tak de *war on Iraq* kalau kita sama-sama setuju sepakat. Heh, *you* dah pegi jauh. Alaa ... cikgu *sample* kan? OK, kalau gitu kan kita ada sekolah wawasan seluruh negara? Saya rasa tak boleh jugak cikgu, kan orang Cina tu *fight* nak balik sekolah aliran diorang, kena cari jalan lain, cikgu. Haa.. pandai *you*. Alaa.. tengok TVlah, cikgu. OK, macam mana kita nak terapkan Adat Perpatih di sekolah pulak? Cikgu-cikgu semua ajarlah, macam kita buat tazkirah

pagi-pagi tu pun boleh. Kira boleh pakai pendapat *you* ni, cadangkanlah kat BADAR (Badan Amal Maaruf), tentu Ustaz Mad Shah setuju. Tadi *you* cakap undang-undang adat, cuba beri pendapat *you* tentang undang-undang yang *you* rasa boleh dikekalkan? Undang-undang tentang adat yang kat Negeri Sembilanlah. Kenapa? Ye la, cikgu, walaupun kitorang tak paham tapi kenalah kekalkan, nanti kita langsung tak tau. Macam kitorang sekolah tak pe, boleh baca buku Sejarah ke, masuk *library* ke, habis kalau kitorang lepas sekolah, banyak benda nak pikir, tak ingat lagi adat-adat ni. *You* tau adat ni, kasi dua tiga contoh. Hmm ... tu lah, macam gotong-royong, bekerjasama. Eaa... sebutlah yang lain, jelak saya dengar, banyak lagi adat-istiadat kat Negeri Sembilan nih! Hmm ... macam pelantikan Undang ke, err ... macaam ... adat-adat masa nak kawin, semualah cikgu, tapi undang-undang adat yang macam potong tangan, macam hudud tu kitaorang tak nak, tak sesuai. Hmm ... *you* tak pandai sangat, tapi OK lah *you* takut kalau langgar adat macam hukum salah? Tak le, cikgu, tapi kan elok lah kita amik tau jugak sebab ni kan budaya kita, kan cikgu, pandaikan saya kan, cikgu? Ye lah, betullah tu. Agaknya *you* setuju kalau hukum adat dikekalkan? Tak jugaklah cikgu, ikut modenisasilah cikgu, ada adat yang dah lama-lama *season* ni tak sesuai la untuk digunakan pelebagaan sekarang cikgu. Kenapa? Ye lah, diketawakan dek orang luar, diaorang ingat negara kita nanti tempat pancung, tempat potong tangan, tempat sula, nanti takut orang nak datang, terjejas pelancongan, habis ekonomi negara, cikgu. Wah! *You* fikir jauh, kreatiflah. Sayelah, cikgu, terimakasih ... eee ... cikgu bayangkanlah kena sula, cikgu, MasyaAllah, jangan lah. Oo .. tau jugak takut *you*, tadi cakap tak tau adat. Biasa la, sikit-sikit boleh la, cikgu saya ada kelas Bio (Biologi), lewat 7 minit la. Eh, *sorry*, seronok sembang sampai tak perasan, *anyway* terima kasih lah, kiranya *you* masuk dalam kategori remaja yang ada inisiatif untuk ambik tau adat dan budaya kita.

30) Generasi Muda Adat Perpatih V (Saidatun Nawwar Hj Basri)

Dengar pun tidak, cikgu. *You* tak pernah dengar langsung Adat Perpatih? Sikit-sikit dari Cikgu Anisah (guru Sejarah) ke, dari *parent you* atau mana-mana sumber *you* terbaca, takkan tak de langsung? Ada la sikit, cikgu. Hah, ada jugaklah, kira pernah ambik tau jugaklah. He..he...gitu-gitu aje. Apa gitu-gitu? Baca sekali pandang je. Kat mana baca? *Library*. Buku apa, ingat tajuk? Hmm...macam cerita-cerita lama tu, bahagian *red spot*. Oo..agak cerita rakyat Negeri Sembilanlah tu. Lebih kurang macam tu lah, cikgu, tapi jangan mintak saya ceritakan balik. Tak, ni saya nak tau sejauh mana *you* faham tentang Adat Perpatih ni Haikal? Ai, jawab le, saya tanya. Gotong-royong, kerjasama, hidup harmoni. Lain? Perbilangan adat *you* tau ke tidak? Tak perasan. Tak perasan ke tak nak ambik tau? Maleh la bab-bab Sejarah ni, cikgu. *You* ujian pengesanan Januari berapa markah Sejarah? *Failed* la cikgu. Ha..la.. patut la! *You* pernah dengar orang sebut perbilangan adat? Tak tau, 'tembak' je lah, agak-agak lebih kurang, saya bukan nak marah kalau salah, Haikal oi ... Saya rasa dia macam pantun jugaklah, cikgu. Aaa ... OK, betul. Lagi, bentuk perbilangan adat ni, macam mana, bagi contoh satu yang mudah-mudah, yang biasa *you* dengar. Mati anak ... eh, biar mati anak, jangan mati adat. OK, lagi? Err ... dimana bumi dipijak, disitu langit dijunjung. OK, lagi? Patah tumbuh hilang beganti. Sebutlah yang bunyi Minang sikit. Aaaa ... Rujuk n selat

31) Generasi Muda Adat Perpatih VI (Mohd Asyraf Entan)

You (Asyraf) tau sistem sosial masyarakat Negeri Sembilan, Minangkabau dan hubungannya dengan kita? Tau lebih kurang, jangan *interview* banyak-banyak, cikgu. OK, cuba jawablah lebih kurang, ikut apa yang you pahami. Saya tau masyarakat asal sini, Minangkabau tapi ikut cerita cikgu Anisah, orang Minangkabau datang kerana ada perselisihan dengan komuniti mereka di sana. Di sana tu di mana?. Di Sumatera la cikgu. OK. Lepas tu diorang datang lah ke Negeri Sembilan, ketua orang Minangkabau ni kawin sama penduduk asal di sini, sebab tu lah jadi keturunan Minang banyak kat sini, sekian terima kasih. Mana you dapat sumber? Buku siri cerita rakyat kat library ada, cikgu. OK you tau Adat Perpatih? Tau, adat tu dibawa oleh orang Minang tu. You tau macam mana cara diturunkan adat-adat ni? Belajarlah dari orang dulu sebab ni orang dulu yang reka. Hmm ... tak betul tu, Adat Perpatih diturunkan dalam bentuk lisan. Haaa... saya ingat sikit, kitorang ada belajar sumber-sumber sejarah, *first* secara lisan, *second*, secara arkeologi, *third*, kajian saintifik. Kita fokus kajian sejarah dalam bentuk lisan, antaranya perbilangan adat atau kata-kata adat yang digunakan dan dijadikan sistem, aturan hidup individu dan masyarakat. Banyak yang diturunkan secara lisan ni lagi antaranya terombo, tesusul dan lain-lain jenis puisi Melayu termasuklah jampi-jampi mantera tu, semua tu guna lisan, so apa yang you tau tentang perbilangan adat ni? Perbilangan adat ni nak kata pantun tak juga, nak kata puisi pun lebih kurang, macam tu lah, saya tak pandaaaaai, cikgu. OK, you boleh jawab jugaklah.

32) Generasi Muda Adat Perpatih VII (Mohd Safran Rabie)

Pada pendapat *you all*, kenapa remaja macam *you* kurang ada perasaan ingin tau tentang budaya hidup masyarakat Negeri Sembilan dahulu terutama jika kalau sebut Adat Perpatih? Kitorang tak minat Sejarahlah, cikgu. < boring, kalau masuk je Cikgu Siti Awe, sure kitorang lolap abih punye > *you* ni tak de bende lain, nak kutuk cikgu-cikgu je. Udah *boring* giler macam mane lak? < masalahnye, cikgu Siti Awe tak pandai mengajar, tak *havoc* macam cikgu Anisah > banyak cantik, ingat mengajar Sejarah ni senang ke. Ni saya tanya boleh *you all* jawab, tak pandai pun tembaklah, mana tau, boleh saya buat kajian tahap pengetahuan *you all*. < cikgu nak tanya adat perpatih ke? Ooii... saya *surrender* dululah. Nak gi *toilet* jap > heh! duduk sini, jangan buat alasan, buat macam biasa, saya tanya *you* jawab, tak tau tak pe, saya tak rugi, tak bayar satu sen pun kat *you all*. Sorry la, cikgu ... tolonglah!

33) Perlantikan Undang Rembau (Hj Mustafa Dolah)

Haji boleh ceritakan macam mana pelantikan atau adat nak lantik Undang ni ikut pengalaman Haji selama hayat Dato' Adnan. Mana dulu nak mula? Cerita Undang dululah, macam mana kriteria dia dilantik, tu penting tu. Kalau kira Undang Rembau, asal-usul galornya mesti kaum pendatang Minang jugak, tuan asal luak Rembau. Jadi dia ada hak atas sebarang tanah yang diusahakan oleh sapa-sapa saja di daerah ni. Hal-hal ugama semua, Undang ada hak, dia ada tanggungjawab macam Kadhi. Di

sisi adat macam mana? Masa Inggeris dulu Undang bertanggungjawab soal ugama dengan adat. Tanah bahagi macam lain. Saya nak Haji cerita yang masa lantik Undang saja sebab kot Haji nak pegi ke lain! Nak tau apa? Ni, kalau dulu Undang Dato' Adnan la contohnya, arwah tak do, lepas tu macam mana cara dia, prosedur dia, kena tunggu undian ke nak lantik-lantik atau pakai pilih saja? Tak ada pemangku, selepas meninggal, proses ambilalih dibuat bergilir ikut suku Biduanda waris. Mesti suku Biduanda? Gilir dua suku, Biduanda waris Lela Maharaja dengan Biduanda waris Sedia Raja. Ambik masa sikit buat istiadat lantik Undang baru, lebih kurang sebulan, 40 harilah genap. Tak boleh masa tu jugak? Tak manislah, jam lepas kebumi! Siapa yang uruskan semua urusan calon pusaka diperantaraan tu? Tanggungjawab Datuk Purba, Haji Yahaya. Dato' Adnan sakit lama? Lama jugak. Saya ada dengar mak saya bagitau arwah kat HKL, masa tu saya kat Selayang Bharu 4 tahun. Tak pandai la nak ziarah. Bilik dia elok, VIP, bukan calang orang boleh masuk. Ingat tarikh dia, Haji? Bulan 9, dekat 5 tahun dah. Arwah Undang yang ke-20. 35 tahun macam tu arwah sandang. Ye la..masa meninggal, Haji ada, cerita sikit tatacara, adat nak kebumikan seseorang Undang. Mula-mula pekara wajib, pasang langit-langit atas jenazah. Arwah bapak saya macam tu. Bapak kau orang Dondo? Iyo. Tiang rumah balut dengan kain. Tu tak do. Kain benang emas kat bilik jenazah, meriam tembak tujuh kali. Tujuh kali ke tujuh das? Tujuh kali bunyi. Keris empat bilah tikam dalam tanah, pedang, tombak, payung semua kena sedia belaka. Bendera pun pasang, panji-panji pun pasang semua. Sama tak dengan luak lain? Beza sikit. Macam kita sini empat-empat, Sungai Ujung dua-dua. Rembau, Undang meninggal letak atas kereta dia, buat pakai batang pinang, tiga tingkat. Tak usung sampai kubur? Sampai kuburlah usung, jalan atas kain putih, letak panjang sampai tanah kubur. Dulu ada pukul-pukul canang, ada yang bersedekah. Sekalian Lembaga terima sedekah ikut kadar. Selepas Undang dimakam, baru muafakat panggil Orang-orang Besar, Datuk-Datuk. Tu yang 40 hari. Masa umum Undang baru, dia mesti ziarah makam Undang yang sebelum tu. Lepas tu mengadap Yamtuan Besar.

Apa gelaran Dato' Sharif sebelum naik Undang? Datuk Syahbandar, penyandang pusaka suku Biduanda waris Lela Maharaja. Arwah Dato' Adnan suku Biduanda waris Sedia Raja. Menyandang Undang ikut giliran suku. Dikerjan sebagai Undang Luak Rembau bulan 12 di Sepri. Kira rasmlah tu? Bulan dua tahun depan tu Undang pegi menyalang di Seri Menanti, penuh adat semualah. Masa pengisytiharan apa yang dibuat, sambutan dia, contohnya tembak meriam berapa kali, lain-lain? Tembak sembilan kali (das), Askar Melayu tembak. Lepas tu rafaq sembah kat Undang baru. Ramailah yang datang Orang Besar Undang, Dato'-dato' Lembaga, buapak, tetamu kehormat lain. rakyat tak kiralah banyaknya. Nun penuh, waktu nak kerjan (istiadat masyhur atau mengisytihar secara adat) di Kampung Sepri dulu ramai orang, iyolah, kampung kita lantik Undang. Apa beza Dato' Lembaga dengan Lembaga Tiang Balai? Lembaga ketua suku, bila dia kawin, dia tinggal rumah kawan dia. Semasa nak dijemput dia ke rumah kawannya tu, dibuatlah kenduri, adat, sekurang-kurangnya sembelih kambing. Lembaga ada kuasa di tempat isteri? Tak juga, tak boleh mengeluarkan kuasa, kecuali kalau dimintak bincang, bolehlah dia beri pendapat. Tanggungjawab jatuh sebelah suku kawan dia.

34) Gotong – royong di Kampung (Pn Nafizah Wahab)

Sampei sekarang saya tak nampak orang kita pakai *caterer* bila nak kenduri-kendara, masih pakai gotong-royong baik kenduri kocik ko bosar ko, baguslah. Kekadang tepikir jugak, orang-orang tuo yang nolong ni, ringan tulang. Saya nampak macam nilah, yang tuo tu, jadi *mentor*, hah, taruk rempah, tumih-tumih, taruk itu-taruk ini, yang buek sumuo yang lapih-lapih mudo, pangkat-pangkat anak menantu, cucu-cicit pulak tolong betateng (mengangkat hidangan dan melayan tetamu). Betul la, ada *cycle*, kalau tak, adat gotong-royong beronti sampei generasi tuo-tuo ni ajelah. *Respect* kat orang tuo kito nih, boleh *join* dengan orang muda macam kito. Sekali tu saya balik kampung Nizam, orang tuo tak kasi orang mudo masak-masak ni. Basuh pinggan aje *standard* budak-budak sanun. Satu pekara saya nampak lae, baik omak saya ko sesapo ko, bila maso kenduri dia pakai barang dia sendiri, macam pinggan mangkuk sumua tu, banyak. Barang-barang tu tuan punya dia si induk rumah tu lah, dia dah bahagi-bahagi serata anak menantu bila meninggal esok senang tak berebut. Iyolah, omak saya pun dah asing-asingkan dah barang-barang dapur untuk kitorang, yang tinggal jauh dah pun bawak simpan, elok omak bahagi, sama banyak, termasuklah barang kemas dia. Uih! barang kemas pun dah bagi dah? Iyolah, omak cakap dia dah tua, tak elok pakai barang-barang nih. Abah saya sebulan meninggal maghin dah asing-asing kain baju dia, kasi anak menantu, tapi sekarang sorang pun tak pakai baju arwah. Apasal? Apo tak ae ... sumuo jubah petak-petak 'made in Mecca'!... Hmm .. ni dulu kat surau kito nih, sunyi sopi, tak do sapo datang, kecuali maso bantai (kenduri sehari sebelum bulan Ramadan atau sehari sebelum menyambut Hari Raya, biasanya akan disembelih kerbau), maulud Nabi, macam tu jelah. Sekarang dah ramai, baru-baru ni Hamzah samo Esah pakat-pakat panggil semuo hidup balik surau tu, Pidaus (YB Dato' Firdaus, ADUN) kasi sepuluh ribu baik pulih surau, tu yang ramai balik surau tuh. Ooo .. patut nampak baru. Tiap malam Jumaat ado baco Yaasin, makan-makan sikit, pagi esok semayang sunat Sejadah. Eloklah macam tu. Balik pada konsep Islam lah, surau jadi tompok bermasyarakat. Ye la, suka hati saya tengok, nampak aktiviti orang tuo yang tak larat nak ke masjid. Untung sini, rumah dekat-dekat jugak, setengah kampung rumah orang tu sini, rumah orang tu nuun jauh. Tak dapeklah nak selalu kumpul macam kat surau kita nih. Apa-apa pun yang rugi banyak, kitalah. Iyolah, sekali duo yo nampak kat surau!

35) Penduduk Asal Rembau (Mohd Isa Noh)

...Cikgu Mat Isa tau sikit asal penduduk Rembau? Tau la, lebih kurang, tapi bagi tau hal-hal adat ni tak beranilah, sejarah dia InsyaAllah. Kalau U nak tau lebih, saya ada buku dia, tulisan Jawilah, U boleh bacalah. Tak pe la. Saja nak tau sejarah dia sikit-sikitlah ni. Ni, Cikgu agak, betul ke asal penduduk Rembau ni...campur-campur Jawa ada, Jakun ada, Minang pun ada... Semua fakta sejarah tu ada betulnya, awal abad 16 orang Minangkabau datang Rembau berdagang dan buka kawasan sekali. Sebelum datang Minangkabau, kat Rembau dah wujud orang bukit (puak asli). Dalam tulisan-tulisan lama kajian Winstedt, Newbold dikatakan orang asli serupa Sakai, Jakun. Dalam beberapa perbilangan yang dikutip dikias puak asli ni umpama 'gagak senoi'. Amboi.. sampai hati dia orang. Tak pe, sejarah dulu-dulu. Sorang pemimpin Minang kawin dengan orang bukit ni? Tu yang mula keturunan. Mana tempat pertama pedagang Minang tu mendarat? Rembaulah. Bukankan dalam beberapa catitan

sejarah, ada cerita Hayam Wuruk dulu yang sampai? Zaman tu belum jelas kedudukan Rembau, mungkin dah ditemui tempat ni tapi namanya belum maknub lagi. Dulu dipanggil 'Perabu' ikut bahasa Jawa campur Sanskrit. Makna dia? Macam orang besar-besar. Dalam sejarah *Nagarakartagama* pun tak dijelaskan kewujudan Rembau. Rembau ni termasuk dalam jajahan Melaka sebab peluasan kuasa Melaka menjangkau Negeri Sembilan masa tu. Dulu Kelang masuk dalam Negeri Sembilan? Ada peta dia. Dalam *Sejarah Melayu* tak disebutkan dengan jelas keadaan Rembau tapi ada nama daerah disebutkan. Memang wujud pun sekarang. Antaranya? Kundur. Apasal Kundur, Kota, Tampin tak pulak? Orang Kundur antara pandai tukang yang buat istana sultan Melaka, Mansur Syah, lebih kurang tahun 1500. Dah ada orang buat *research* tentang hal ni tak? Ada. Nafizah pun buat tentang estetika istana raja-raja Melaka. Mana dia punya sumber? *Sejarah Melayu*. U boleh jumpa dia sebab kerajaan Melayu Melaka dan persejarahan Negeri Sembilan ni ada saling kaitan. OK. Bukankah Kundur tu nama pulau dekat Sumatera nun, macam mana boleh ada sampai sini? Tu orang Minangkabau yang datang, dia namakan tempat asal dia orang ketika buka tanah di Rembau, sebab tu ada sikit-sikit persamaan nama tempat di Sumatera, pulau-pulau dia dengan tempat-tempat kat Rembau nih. Kiranya logiklah orang Minangkabau yang bertandang sini dulu, ye? Kira boleh pakailah!...Tapi orang tua saya tak nak ngaku betullah. Agak U tanya masa *mood* dia orang tengah tak baik!..ye lah masa tu pencen bolum keluar!...

Agak-agak ramai tak penduduk Rembau zaman kerajaan Melayu Melaka dulu? Kawasan tumpuan penduduk Linggilah, kawasan-kawasan dekat-dekat Melaka macam Penajis ada, Lubuk China ada, ...Sungai Ujung jauh kan? Pentadbiran dia asing. Balik pada asal penduduk tadi, dah jelas orang aslilah penduduk asal ni? Keturunan Jakun, sekarang sobut Jakun, tak do nak ngaku, sebab dah biasa digelar Biduanda. Asalnya Jakun? Asalnya Jakun, peluk Islam, dipanggil Biduanda, salah satu suku yang ada sekarang ni. Memang di Rembaulah asal ae? Berseleraklah, peribumi. Bila pulak Raja Melewar sampai? Tahun 1720 macam tu. Orang Minang ni antara yang jadi Undang? Keturunan dia, tapi bila naik Undang dia orang ada gelaran, Dato' Sedia Raja, asal tu suku Biduanda waris Jawa. Ada beza? Biduanda waris saja yang layak...

36) Merantau (Mohd Isa Noh)

Cikgu memang asal Kundor? Tak jugak, asal Senamo. Kawan den Kundor. Oo..kira merantau jugaklah nih!. Tak. Den nikah, kawan den ajak balik sini, tak do orang sini, mak dia dah tak do. Tengok-tengokkan tanah. Kira baru lagi cikgu kat Kundor? Agak ae dah dekat 37 tahun dah. Omak ae lama la jugak. Sebehum ni cikgu kat Senamo? Pilah ado kat Terachi, 6 tahun kat Kayu Ara. Ngajar situ? Yo, tanah pun boli situ. Kau mano tinggal ae? Sepri. Uwah, elok dah tompek tu, sejak Haji Sarip naik Undang, jalan cantik, dah ado kompleks pertanian. Aa ah, PM pun selalu datang kat Kem Bino, lebar jalan masuk situ. Kau kampung mana? Air Sekapas. Hah! Situ pun dah bosa jalan. Aa ah, masa Sothinathan nak tanding dulu. Untung kau diam (menetap) sanun. Aa ah untung banyak, taik kobau pun cukup 'mewah'!...

Tadi nak tau apo tu? Tradisi merantau di kalangan orang lelaki di Negeri Sembilan nih kira fokus kat Rembau lah. Tuu.. semua orang merantau, cari pengalaman, cari rezeki lebih, cari apo-apo nan dia kira boleh bangkit rasa lelaki dialah. Bunyinya semacam je! Apa la fikir ke situ! Tak ae.. dalam cerita orang Melayu, drama-drama Melayu dulu pun orang lelaki pun merantau jugak, cari ilmu. lyolah, jam ni keluar macam tu yo, cari serba-serbi, nak harap kat kampung, apo sangatlah nan ado. Ikut konsep sekarang, sesapo pun merantau yo. Tak ae, ni merantau ikut konsep adat Perpatih nih. Saya nak buek kajian sikit lah hal adat ni.

Kira macam nilah, ikut adat ni, sesapo pun baik nang jantan ko tino ko, semua mesti ado tigo sifat, mesti seimbang dalam diri. Kojap ae saya nak tulih. Heh! Balik tulihlah. Saja nak senang peringat kat diri sendiri. Apo ae, cikgu?. Beragamo, berado datu ae berilmu pengetahuan. Apo kaitan dengan tradisi merantau nih? Koojaplah. Ni semua kira ae pelengkap individu, tahap pemimpin pulak mesti ado tigo. Tigo jugak. Ulamak, golongan ..kira golongan-golongan lah ni...golongan ae..beradat. satu lae golongan berilmu, intelek. Macam saya? lyolah. Semua individu masing-masing cerdik akal ikut lapangan masing-masing. Yang cerdik, celik akal tu jadi tompek rujuk, jadi guru, tompek berguru. Tak berakal, tenggelam bumi. Apa maksud tu? Kira lagi tinggi nilai darjat orang tu kalau ilmu dia tinggi. Macam tu lebih kuranglah, banyak paham ae.

Macam tu yo. Macam tu, macam tu, ... macam mana? lyolah sebab istimewa tanah, rumah, ado sawah, ladang, kobun .. pada orang pompuan, lelaki terpaksolah merantau. Tangkap sayu pulak, nasiblah seorang lelaki di tanah adat! Eh jangan cakap macam tu, lelaki ke luar daerah adalah lelaki sejatilah katokan. Sobab ae dia tak harapkan tanah. Status dia 'anak dagang', orang dulu-dulu merantau cari rezeki. Macam Nordin Ahmad!.. Dah totapkan tompek nang dituju tu? Eh! Terpulang, carilah mana nang suai, cari omak ayah angkat, senang minta tolong kemudian hari. Kena jalan jauh-jauh? Jauh tu tak boleh agaklah, kiranya 'keluar' dari kawasan Adat Perpatihlah. Kalau merantau kampung sendiri dipanggil 'merantau belakang dapur'. Aa..ah..saya ada pernah dongar macam tu. Tu agaknya orang lama kat kampung saya tu cakap macam tu, ada sekali pernah dongar, handal lah orang tua, dalam gurau-gurau pun selit-selit konsep jugak, ye? Orang beradat, cakap pun beradat lah. Ni, kalau merantau teruuus tak balik-balik, macam mana nih cikgu? Dia dah jumpa kawan sanun, berumahtangga, dianggap 'bertanah air' sanunlah. Tak do sapo nak halang, tak do hukum-hukum. Ramai yang macam tu. Mesti orang bujang-bujang ke yang merantau-merantau nih? Habih, kalau tuo dah kocut, macam mano pulak?!...he...he...Rezeki yang dia orang dapat tu, kasi mak bapak kandung ke kasi mak bapak angkat dia orang? Pandai-pandailah. Sebaiknya beri mak ayah kandunglah sebab itu fitrah anak lelaki, tanggungjawab dia tolong mak ayah akhir hayatlah. Katakanlah, dia balik semula kampung dalam keadaan 'tertewas', tak do rezeki dia bawa balik, mana tau kot *accident* ke, dihompap dek kelapo, patah kaki... Tu lain hal, yang pokoknya, balik mesti hulur cincin ko, baju baru beri mak ayah. Ni, dulu ayah saya merantau lain pesen, jadi polis Singapura, kira macama mana pulak? Samo yo..masuk prebet, tentulah jadi kopral pulak, sarjan, tambahlah rezeki tu.

OK, sekarang, mungkin, ada pendapat orang, merantau tu dibuat mungkin kerana bergaduh sikit, selisih paham sesama *family*, apa pendapat cikgu sebab ada

konsep orang muda bawa diri tak ngam dengan *family*? Pokoknya punca merantau ikut adat ni, cari rezeki, tambah harta pusaka, jangan bawa-bawa sebab lain. Cikgu, tu tok mukim tu banyak pulak tanah dia macam mana pulak? Tu orang politik, tak masuk cerita! Kenapalah agaknya tak diberi tanah pada orang lelaki? Rasionalnya, pompuan tu lomah. Tolong orang pompuan, nanti mati kawan dia. Iari kawan dia, adoolah tompek nak begantung ekonomi. Sobab tu tak do dalam berito TV jando-jando di Negeri Sembilan hidup tak senegheh! Tak perasan! Ni cikgu, orang luar pandang sinis kalau sobut yo lelaki dari nogori! Hah! Tak dolah haih. Ada..sikit-sikit tu mesti bedetik jugaklah! Agaknya, tu lelaki di nogori cari kawan orang luar, kat kampung saya pun, tak do lelaki nang kawin samo nogori. Aaaii...tu selera masing-masinglah. Sebonar tak dolah tinggi darjat pompuan tu, samo yo tinggi dengan lelaki, cuma kito beradat, beralah pada pompuan sikit. Lelaki ni umpama 'pipit jantan tak bersarang', campak mana pun boleh yo. Orang pompuan kalau kono tinggal dek kawan ae, mana nak tinggal kalau tak do rumah?. Nak tido surau? Tak elok bona. Orang lelaki muleh yo tido topi jalan muleh, tido surau muleh, tapi jam ni tak dolah sampai tak belapik tido. Orang lelaki lagi rajin buat duit, kereta bosa. Dulu yo, kono banting tulang ompek korat nilah. Tulah agaknya, rumah kat Negeri Sembilan ni banyak nan tinggal (kosong). Agaknya kawan ae mati, dia takut, balik duduk rumah mak dia, bapak dia ke, kan? Itu hari ado Menteri Pertanian, Dato' Apendi datang Sepri nak majukan balik tanah-tanah terbiar ni, untung ae nan penamo tu lah, orang pompuan. Abih tu kalau orang pompuan tu buek onar, macammanno lak? Tak do hukum-hukum. Eh! Pandai-pandailah jago namo ae..kalau buek nan tak boto, malu satu suku, satu keturunan. Uuu.. mak ai, bosa tanggungjawab pompuan di tanah adat! Sekarang ni sistem tanah-tanah ni kalau nak di agih pada anak-anak mesti kono rujuk Pejabat Daerah juga, tak mesti pakai adat selamanya? Tak boleh macam tu, nan salah sekarang cara bahagi tanah tu. Mesti ikut adat, kelak tak begasak sesamo sedaro. Sikit, pun sikitlah, bahagi sama rata. Ada yang agih tak betul? Ada. Contoh, jual kat orang lain suku, tanah adat tak boleh jual, pesoko. Abih kalau orang tu tak do anak pompuan? Cari jugak nan sama suku. Kalau orang tu kasi hadiah macam kasi kat anak angkat? Tak boleh, cari waris pesoko lain, takkan tak do.

37) Adat Lama (Hjh Puasa Radin)

Ocu Selimah kenduri cukur (cukur rambut) cucu dio yang baru anak Aroih yang beghanak taun lopaih. Laki ko pompuan? Laki. Potong kambing? Potong. Kambing kampung ko biri-biri? Kambing yang kek Podeh tu, bosar, tinggi macam budak 5 tahun. Budak laki duo ekorlah. Tak do sampei duo, tak do orang makan kambing, panaih, naik darah tinggi. Den mau pitam makan kambing. Sekor pun nak juga ngongkeh. Dah boli, dia siap lapah-lapah sanunlah. Sonanglah, sedia duit yo. Tambah la sepuluh ringgit cam tu, tak polah biar sonang kito. Patut ae ... sonang. Ni Ocu Jantan nak soghek, nak boleh sendiri, nak amik sunat lobih. Iyo, tak pikir orang lain ponek nak kojokan kambing godang tu. Patut ae ... itu la nan elok, sendiri buek segalo. Kito tak dayo, bukan ado nan mudo-mudo sini. Anak-menantu ae nak nolong, biar. Alah, nolong apo, pogang kaki kambing pun tak koso, orang Kelompo, manolah nak tau ngongkeh. Alah, biar diorang tengok, jonghih sok, tau la dio buek, disuruh maun. Kito lon tengok lae, Abas tu pandai tu, tontulah dia muleh. Abas yo, nan lain mabuk pinau binau tengok darah nyamok, ni nak tengok boleh kambing

godang. Aaii ... tak elok la, ngato-ngato, mana tau lae handal diorang tu. uwan mano tau kan.

38) Pantang Larang III (Hjh Iyam Radin)

...ado sei belajar orang buek-buek rumah ni kan, tanggo rumah ni tak muleh gonap macam ni hah, agak ae nak panjek tanggo kalau gonap, kaki ataih sampei kirilah..Haai yo, cino Rombau nan buek maghin. Apolah tak cakap ke dio, ni konsep-konsep orang Melayu kono kito la tontukan, kito nan bayar. sei bukan tak sonang duduk kampung Teh, bayangkan lah beralih sikit, macam ni, sikit-sikit macam tu, banyak boto pantang-pantang yang nak kono ikut, tak ikut kato ae kito tak beradab. Abih camano, udah kau pilih duduk kampung. Omak sei panggil, baliklah diam. Bunyi ae macam tak suka. Bukan tak suka, pikir tanggungjawab sei patut sini.

39) Pantang Larang IV (Hjh Puasa Radin)

Apolah kau bawak budak tinjau ayam. Kojap yo. Dah sonjo, tak elok. Kooojap. Ni, sonjo remang, kuning ni, tak elok, naiklah rumah. Iyolah. Apo kono lak, remang-remang tak boleh turun? Ado la pantang ae .. Abondo ae? Remang-remang macam ni langsuir tongah ampai kain. Ha? Langsuir pun pandai ampai kain yo? Mano uwan? Kok lagsuir ado ghoman Siti Nurhaliza den nak amik gambar! Kau cakap jangan takbur, jatuh sakit bukan kau nan dapek, anak kau sok muleh sakit. Gurau sikit pun tak muleh, sensitip la. Den dah tuo, sok kau cam tu la. Eh, den sok duduk *apartment* ampai kain tak kiro waktu, dalam rumah peduli kan. Hari-hari den jadi langsuir kalau hari-hari sonjo remang. Kau cakap tak senegheh. Tak do, sikit-sikit cakap nan polik-polik, apo lah den nak paham. Kau orang mudo jam ni tak tau bepantang, itu nan muleh sakit, orang mudo jam ni sakit jantunglah, sakit darah tinggilah, tak onak ikut bepantang. Iyolah, yolah. Jangan kau ghondam napkin budak sampei ke pagi. Aлах, maleh basuh, malam ni sojuk. Tak boleh, kalau maleh, jangan ghondam, dah ghondam, kono basuh doghah (cepat). Ala .. biar la, esok la.. Tak boleh nanti malam sojuk budak tu, domam. Aih! Napkin kek bilik air tak bebasuh, anak kek ataih ghumah pulak kono domam? Dah malam angin malam sojuk, sojuk la, den pun sojuk yo, beselimut begobar. Kau den cakap sumuo nak bantah. Bukan nak bantah, dah tak kono dek akal pantang supo macam ni, hah, nak lambek kojo ni.

40) Aktiviti Warga Emas I (Hjh Jah Ibrahim)

Uwan molo Aki kociik lae ... dalam 3 bulan, abih pantang Kiah, dihantar Aki uwan molo segalo makan-minum, pakai, sekolah sampai abih tingkat (tingkatan) limo, macam anak sendirilah. Ngah Kiah boghi duit belanja Aki? Sumuo boghi, Cek Imah boghi, Njang Ludin boghi, sumuo boghi lako, dah kojo, Kiah balik boli yo susu, duit belanja ae, sumuo longkap, cumo tak mololah. Aki mano kojo? Bangunan MARA Rombau, kojap lae lopaih Asar baliklah. Ado Aki boghi 'saguhati'? Den tak onak, bayar Kancil sebulan, abih. Sunyilah, tak takut masuk orang ko, berani duduk sorang macam ni? Aaii .. kunci lah, rumah kito, apo nak takutkan. Ni bilik tak betunggu

(berpenguji)? Taaak. Ado sei dongar baruh masuk dek orang? Iyo, rumah Tijah Katek, budak-budak gian (penagih dadah). Apo dio amik? Ado la, apo-apo barang (barang kemas). Tijah gomar barang. Maghin kek Senamo, meninggal. masuk surat khabar. Aaiii ... uwan tu nan takut, kok nak barang hah ... amik, uwan nak mati domam, tak onak mati kono pauk (pukul). Elok bonar la tu, sok kok ado orang datang jual tikar, kapet, puyuk, apo-apolah, jangan dibukak pintu ni, ado *grill* kunci. tinjau dari dalam yo. Orang tak do jangan kasi masuk, cakap yo tak nak boli. Iyolah.

41) Aktiviti Warga Emas II (Hjh Habesah Hj Itam)

Tak soghek ko ngongkeh (mengurus) budak kocik? Apo nan soghek, maghin pun jago anak yo, sembilang lae ... heh..heh ... Tapi, ini lain, maghin yo maso uwan mudo. Heh, tak do kojo nak dibuek, ontok (diam) rumah, poninglah. Molo budak dapek eksehaih (*exercise*). Tak molo cucu? Aaii ... cucu den tak bekombang. Manolah maun. Anak Ton duo, anak Sitap duo yo, anak Ujang tigo. Tapa tak beranak, apo salah kawan ae ... ngurut pun tak maun. Rezeki lon ado. Mak budak ni mano kojo? Kojo cikgu, pukul 2 balik. Sekolah mano? Astano Rajo. Oo.. ado sekali nampak bawak Wira putih tu? Tak eh, tu omak nan Tadika ni. Makan minum uwan boghi? Ai, tontulah. Oo ...kalau *Nestum* ko, susu ko, dia orang bawaklah? Abih. apo pulak. kito nak bolikan? Nan Tadika ni, sonang nak mampuih, nasik mo kicap, tumbuk ikan bilih goreng, lauk-lauk lain tak mau. Ekonomi omak ae ... Budak nan Tadika ni sapo lak nan hantar pegi balik sekolah? Omak ae ... kadang abah ae sebolom poei kojo, singgah sini hantar anak sekolah, balik den jomput, dokek tak po do, dapek den jalan-jalan poei pasar. Diorang balik pukul berapa? Sebolai, sebolai songah. Uwan sompek masak molo budak nih? Haih, apo la masak, lauk den bukan susah, kontang, goreng mo ikan bilih, buek sup dah. He .. he ... samo lah omak sei, pantang, jago badan, takut datang penyakit. Uwan tak kono sakit? Aai .. dah tuo, sakit kuek tak do, den pekso darah tinggi selalu, elok, sihat la. Dia orang duduk sini, uwan ajar-ajar ABC ko, baco-baco, ... Ajar nan den paham la, mengaji tu yolah. Nan Tadika ni kiro ae lancar Patihah (surah Al-Fatihah). Batang (eja) muleh, nan kocik ni dapeklah sobut alip, ba ta ... Lain uwan tak ajar? Apo, den nak ngajar orang putih, kiro-kiro, tulih-tulih tak kosolah haih! ... Seronok la, hilang rindu kek cucu, ye uwan? Iyolah, tak sunyi. Berapo dio boghi? Nan cikgu ni seratuhi setengah (RM150), nan Tadika ni seratuhi lapan (RM180). Tak samo lak? Cikgu ni balik awal, nan Tadika ni, abah kojo *shift*, omak kojo kek *Giant*, samo *shift*, tak tontu jomput. Tapi kan, kira murahlah banding ngan Kelompo. Sanun kato dek Aruih, sampai malam baru omak ae bejomput. Sedang elok bayar duo tigo ratuih. Sini, den molo, sajo suko-suko. Boghi sikit amik, boghi banyak, Alhamdulillah!

42) Veteran Perang (Hj Sarif Gadong)

Amerika sama Iraq nak gaduh tuh. Biar diorang begasak, bukan tak pernah tengok poghang-poghang ni? Dulu sei bepoghang lae ... waa ... ni kono cito nih, sei buek buku. Dah banyak buek dek orang, asal betandang yo, itulah dimintak ae ... Budak unibesiti jugak aih? Aaii ... macam-macam la, budak sekolah pun ado yo. Chek glamer. Apo ae? Orang konal belako, tak do Chek kek Rombau, tepaksolah bebudak tu keluar tompek lain cari orang lain. Kau bayo Shikin? Aaa ... dio bawah lae, sei

dalam duo tigo taun tuo. Dio apo Sedio Rajo maghin? URES (Sekolah Menengah Undang Rembau). Oo ... patut tak nampak. Dio *lecturer*? Tak aih, cikgu macam kau. Heh, sapolah nan cakap dio *lecturer* kek Melako. Yayasan MARA. Cikguuu ... Iyo, sei ado dongar-dongar ontah sapo nan cakap ontah, aaa ... kenduri rumah Lang Kelsom kek Tebong. Iyolah agak ae. Menantu dio ngajor Melako, agak jumpo sanun. Kau apo nak ae? Apasal? Chek tak do maso? Den nak ko kobun. Aaii, dalam talipon cakap *free*, boleh datang, ni macam tak sudi. Tak do, budak unibesiti datang pagi, potang lon tontu balik ae. Ado nan nak tido sini!. Heh, sei kojap ae, sembang-sembang, sambil-sambil gitu-gitu yo, nak dongar cito askar maghin, cito Chek bujang-bujang, lon kawin lae ... boleh? Tu pun nak tau? Kau apo nak buek? Aaii ... ado lah.

43) Rumah Kampung (Hjh Sarah)

Apolah nan heboh kek buai nih, ngumpek ko? Idaaaak. Cik Daro balik? < Iyo, naghek pencen.> Iamo lak sini, biaso potang dah balik Somban. < Budak ganja masuk rumah ae ...> Haa ... kono masuk lae? Apo di curi ae?. < Kain batik, kain-kain sarung nan boli Mokah maghin.> La ... hai ... taun lopaih dah masuk, ni masuk lae ... Apo nak buek kan, rumah tak betunggu, tau orang, masuklah. Tu Cik Daro apo buek samo Kiri? < Duduk-duduk la, kojap lae balik la tu.> Tak ripot Polis? < Apo nak ripot, awak nan salah, tak duduk rumah. > Agak ae budak nan samo kan? Tontulah, dio dah tau orang tu tak do rumah manjaaang. Aaa ... potang Senin den memang nampak budak-budak mudo bayo anak Mat Zin lalu- lalang dopan rumah Cik Daro, agak nak boli kelapo. < Tu budak cam tu tak boleh cayo tu, Teh oi, tu nan sesajo nak meninjau, panggil duo tigo kali, orang dalam tak do nyahut, haa ... malam sok datang lae bawak parang, diumpei ae pintu rumah kito, Teh > Daro cakap jumpo parang beletong kek pekalan rumah Hamzah, agak tak lopaih loncek pagar, parang cicir. < Haih, tu beletong Nomah, ngomeh baruh, lupo nak bawak balik, Daro buek cito, dah takut tu macam-macam diheboh ae > Iyo? Den agak boto lah Daro ni, takut pulak den nak turun surau. Lampu belakang ado, apo la nak takutkan. < Dah rosak kato Kak Incom. > Aaiiii. .. dah bait dah. < Tak nyalo do > Takkan rosak balik?. Agak angin piuh lampu kilir, tak nampak jalan baruh. Biaso rosak beganti doghaih, orang kontrak tak Iamo nunggu do, anak Tijah Kampung Tongah tu kepala kontrak ae. Ontah, tak bayar tiang? < Bayar, tu Esah punyo tiang.> Ni? < Ni Cek Mah kau nan bayar, sepoloh ringgit sebulan, masuk bil letrik. > Kalau toghang belampu tak do orang berani masuk rumah, dalam sok kabar sampei bebunuh. Mintak simpang. < Orang tau kito ado rumah, tak do berani do.> Den mo Dah tak yo berani, ado orang jantan kek rumah lain la. < Den ado atuk kau pun tak ae guno, mandang bulan yo. > Mandang bulan? < Tido la > Cik Daro ni masaelah ae rumah dio ni bekunci ko tak bekunci pun, samo yo, dapeeeek yo orang masuk, rumah dah lompong, tinggap tak bebait, jangan kucing, orang pun sonang umpei. Tak do orang nak baitkan. < Iyo Teh, orang jantan rumah den sumuo ae malaih nak mampuih, tengokkan tiang dapor ropot pun tak onak, hei ... sudah ae ... den sendiri lah buekkan > Den dah soghek, sumuo buek sendiri, Ateh kau kek Kola Lipih, samo Wahab lah den kojokan dapor, bilik air turun bawah, lebar anjung, siap dapor Udin nikah samo Awo. Bilik air bawah Cino Rombau sedaro Ah Yu tu buekkan, maghin limo ribu, jam ni dabal (*double*). < Iyo, den buek bilik air kocik cam tu dah dokek lapan ribu, jam ni huuuih

... sumuo nan mahal > Orang beniago sumuo nak untung, kalau tak tak niago namo ae. Uwan, rumah Cik Daro tu apasal dio tak bait, nampak ngompong bonar. < Dio nak baitkan? Sapo lah nak nolong > Idaaak, den ingat orang Jabatan Kebajikan tu maghi tinjau rumah kok apo lak, rumah cantik, dapek bantuan. < Iyo lah agak ae, kok rumah ngompong mau cayo rumah orang semikin > Abih, nan Cik Daro poei rumah Kiri kek Somban, diam sanun, tak boleh tu, kira dio ni ado nan menjago ae, tak layak. Itu dio balik hujung-hujung bulan, tinjau rumah. Barang komaih dio sapo nan simpan, bawak kulu kilir macam maghin ko? < Apo tak ae, bawak lah dalam kopai, bekopiit > Kito kan kalau barang apo-apolah, kopit manjang, tau dek orang tu barang komaih. Tu lah Daro kau, cerdik tak pek lawan, bodoh tak pek diajar. He .. he

...

LAMPIRAN B (BIODATA RESPONDEN)

1)

Nama : Hjh Habesah Hj Itam
 Tarikh Lahir : 1929
 Alamat : Kg. Air Sekapas, Sepri, 71300 Rembau.
 Pengalaman : Guru sekolah rendah.

2)

Nama : Mohd Firdaus Ariff
 Tarikh Lahir : 12.08.85
 Alamat : Kg Kelemak Dalam, Melaka.
 Pencapaian : Pelajar terbaik jurusan sastera iktisas 2000,
 tempat ketiga menulis esei kemerdekaan 1999 dan
 merupakan pelajar jurusan Undang-Undang di UIAM.

3)

Nama : Hj Hamzah
 Tarikh Lahir : 1935
 Alamat : Kg. Air Sekapas, Sepri, 71300 Rembau.
 Pengalaman : Imam Masjid, pesara tentera laut dan merupakan
 'tok mukim' yang mengepalai upacara agama.

4)

Nama : Pn Nafizah Wahab
 Tarikh Lahir : 15.06.1966
 Alamat : 32, Taman Seri Rembau, 71300 Rembau.
 Pengalaman : Mengikuti lawatan sambil belajar ke Pagar Ruyung
 2001, menghasilkan tesis tentang Adat Perpatih,
 ahli Persatuan Sejarah cawangan Negeri Sembilan
 dan mengajar mata pelajaran Sejarah.

5)

Nama : Muhammad Rizzuwan Hamid
 Tarikh Lahir : 07.11.1990
 Alamat : 22, Rumah Rakyat Sungai Layang, 71300 Rembau.
 Pengalaman : Pernah mengikuti lawatan ke Kompleks Sejarah Pengkalan Balak, membuat kajian geografi di Kem Pari Ulu Pari di Chengkau dan mengikuti Bengkel Sejarah di Ilham Resort, Port Dickson.

6)

Nama : Rabiatal Adawiyah Mohd Azman
 Tarikh Lahir : 25.08.1989
 Alamat : No. 16, Blok J, Felda Palong 7, Gemas.
 Pengalaman : Mengikuti Karnival Adat Perpatih di Seremban peserta Pertandingan Perbilangan Antara Sekolah Daerah Rembau, tempat ketiga Pesta Pantun Peringkat Negeri Sembilan dan membuat kajian Sejarah mengenai Istana Ampang Tinggi di Kuala Pilah.

7)

Nama : Mohd Hizbul Alifi Mohd Noor
 Tarikh Lahir : 13.04.1990
 Alamat : No. 47, Lorong DF 1/8, Taman Desa Flora, 70450 Seremban.
 Pengalaman : Mengikuti Bengkel Sehari 'Gemuk Berpupuk, Segar Bersiram' di Seremban, membuat kajian Sejarah mengenai Istana Seri Menanti di Kuala Pilah, mengikuti Kem Sejarah di SMKA Pedas, mengetuai projek Patriotisme sempena bulan kemerdekaan dan johan melukis poster peringkat Negeri Sembilan.

8)

Nama : Munirah Noor Azam
 Tarikh Lahir : 12.09.1988
 Alamat : 176, Lorong 1/3, Taman Desa Ixora, 70450 Seremban.
 Pengalaman : Pelajar terbaik PMR 2003, aktif dalam gerakerja ko-kurikulum, mengikuti Kem Sejarah di SMKA Pedas dan peserta Pesta Pantun.

9)

Nama : Umi Azzahra Mohd Othman
 Tarikh Lahir : 23.07. 1988
 Alamat : No. 244, Tmn Shamelin Perkasa, Cheras.
 Pengalaman : Penuntut Kolej Binary, Kuala Lumpur dan aktif kegiatan kebudayaan di sekitar Lembah Kelang.

10)

Nama : Afif Salami Marzuki
 Tarikh Lahir : 14.09. 1987
 Alamat : Lot 1520, Kg. Baru Batu Hampar, 71300 Rembau.
 Pengalaman : Mengikuti Kem Sejarah di Kg. Semerbok, Kota, ahli paluan kompang, peserta Pesta Pantun dan aktif dalam kegiatan kebudayaan peringkat sekolah dan kampung.

11)

Nama : Syazwani Abdul Kadir
 Tarikh Lahir : 04.05. 1988
 Alamat : 189, Rumah Rakyat Chembong, 71300, Rembau.
 Pengalaman : Mengikuti Kem Sejarah di Ulu Pari, Chengkau, aktif persatuan nasyid sekolah, pernah menari 'tarian piring' ketika Karnival Adat Perpatih di Seremban dan

aktif dalam aktiviti kebudayaan peringkat sekolah dan daerah.

12)

Nama : Samsul Fadli Abu Zarin
 Tarikh Lahir : 13.06. 1990
 Alamat : 237, Jln. Aman 5, Tmn. Desa Aman, 72000 Kuala Pilah.
 Pengalaman : Menghasilkan Kajian Sejarah mengenai kedatangan awal Minangkabau ke Negeri Sembilan.

13)

Nama : Siti Munirah Jaafar
 Tarikh Lahir : 18.08.1987
 Alamat : Kampung Seberang Batu Hampar, 71300 Rembau.
 Pengalaman : Mengikuti lawatan sambil belajar ke Taboh Naning, Makam Raja Melewar, Kompleks Sejarah Pengkalan Balak dan Naib Pengerusi Persatuan SEJORA (Sejarah dan Geografi).

14)

Nama : Nurul Hidayah Bahaman
 Tarikh Lahir : 03.04.1987
 Alamat : Taman Seri Rembau, 71300 Rembau.
 Pengalaman : Mengikuti lawatan Karnival Adat Perpatih dan AJK Persatuan SEJORA.

Nama : Syazwani binti Abdul Kadir

UMUR : 17 tahun

Baca soalan di bawah dan nyatakan jawapan anda pada ruang yang disediakan.

1. Pahami anda didedahkan dengan sistem Adat Perpatih?
Sekiranya ya, daripada mana sumber yang diperolehi itu?

Ya, daripada pembelajaran subjek Sejarah Malaysia
Tingkatan 5.

2. Bolehkah Adat Perpatih disesuaikan mengikut peredaran zaman sekarang?

Tidak kerana kebanyakannya bertentangan dengan
hukum syarak seperti tidak boleh kahwin sesama
suku.

3. Dikatakan bahawa remaja seperti anda tidak berminat mengenali Adat Perpatih sedangkan adat inilah yang dipegang teguh oleh generasi tua malah dianggap sebagai hak kepandaian orang Melayu. Apa komen anda?

Pada pendapat saya, remaja bukannya tidak berminat
mengenal Adat Perpatih tetapi kurang didedahkan secara
terperinci. Kadangkala konsep yang sebenarnya tidak sampai
kepada per individu tersebut.

Nama : Muhammad Afnan b. Hj. Tumiran UMUR : 13 tahun

Baca soalan di bawah dan nyatakan jawapan anda pada ruang yang disediakan.

- 1 Pernahkah anda didedahkan dengan sistem Adat Perpatih?
Sekiranya ya, daripada mana sumber yang diperolehi itu?

Di kampung-kampung.

- 2 Bolehkah Adat Perpatih disesuaikan mengikut peredaran zaman sekarang?

Boleh, kerana Adat Perpatih adalah adat turun-temurun yang dipegang teguh oleh generasi tua. Adat ini tidak boleh dityakur kerana ia melibatkan kehidupan seharian kita.

- 3 Dikatakan bahawa remaja seperti anda tidak berminat mengenali Adat Perpatih sedangkan adat inilah yang dipegang teguh oleh generasi tua malah dianggap sebagai hak kepandaian orang Melayu. Apa komen anda?

Ramai orang berpendapat bahawa remaja tidak berminat mengenali Adat Perpatih. Tindakan itu salah kerana tidak semestinya semua remaja tidak berminat mengenali Adat Perpatih. Orang ramai berpendapat begitu kerana mereka lihat berbagai-bagai kesalahan yang melibatkan remaja berlaku dan kerana itu mereka menyatakan bermacam-macam perkara yang baik kepada remaja.

Nama : SITI MUNIRAH BI- MANSOR

UMUR : 16 TAHUN
~~15 TAHUN~~

Baca soalan di bawah dan nyatakan jawapan anda pada ruang yang disediakan.

- 1 Pernahkah anda didedahkan dengan sistem Adat Perpatih?
Sekiranya ya, daripada mana sumber yang diperolehi itu?

Pernah . melalui ceramah yang telah disampaikan
oleh pensyarah UM .

- 2 Bolehkah Adat Perpatih disesuaikan mengikut peredaran zaman sekarang?

Boleh

- 3 Dikatakan bahawa remaja seperti anda tidak berminat mengenali Adat Perpatih sedangkan adat inilah yang dipegang teguh oleh generasi tua malah dianggap sebagai hak kepandaian orang Melayu. Apa komen anda?

Seharusnya remaja pada masa kini ~~harus~~ diberi banyak
pendidikan tentang adat perpatih sejak dari awal kerana
inilah satu-satunya adat yang begitu unik di negara
kita . Jika adat ini hilang maka hilanglah kebudayaan
